Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

89 Pengenalan
89 Perkembangan Pengawalseliaan Antarabangsa dan Domestik
98 *Rencana: Perkembangan Tadbir Urus Korporat dalam Institusi Kewangan*
105 *Rencana: Perkembangan dalam Piawaian Peruntukan dan Implikasi terhadap Institusi Perbankan*
109 *Rencana: Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Baharu*
114 Aktiviti Penyeliaan

Rangka Kerja Pengawalan Kehematan dan Penyeliaan

Pengenalan

Meskipun menghadapi keadaan kewangan dan ekonomi yang mencabar pada tahun 2009, daya tahan institusi kewangan di Malaysia terus disokong oleh rangka kerja kehematan yang teguh dan kewaspadaan penyeliaan yang berterusan. Aktiviti pengambilan risiko oleh institusi kewangan kekal terkawal selaras dengan keupayaan pengurusan risiko institusi. Ini berjaya membataskan sebarang kesan perkembangan buruk kualiti kredit akibat daripada prestasi ekonomi yang lebih lemah pada tahun 2009. Reformasi pengawalseliaan dan pelbagai inisiatif untuk menyatukan sektor kewangan yang dilaksanakan sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1997 turut meletakkan institusi kewangan pada tahap yang kukuh bagi menangani kesan kelembapan ekonomi. Kekukuhan keupayaan pengurusan risiko secara khusus membolehkan institusi kewangan mengenal pasti dengan pantas dan mengambil langkah awalan terhadap risiko yang bakal dihadapi apabila kesan krisis kewangan global merebak ke ekonomi global dan kemudiannya ke ekonomi dalam negeri. Hasilnya, kedudukan modal dan kewangan institusi kewangan terus teguh, lantas membolehkan aktiviti pengantaraan diteruskan tanpa gangguan dan mengekalkan tahap keyakinan yang tinggi dalam sistem kewangan.

Sementara rangka kerja kehematan kekal mantap bertahan dalam berhadapan dengan krisis tersebut, reformasi pengawalseliaan global yang bertujuan memperkukuh asas bagi kestabilan kewangan akan memberikan kesan penting bagi penambahbaikan berterusan terhadap pendekatan pengawalan dan penyeliaan semasa. Bank terus memberi tumpuan terhadap menghasilkan rangka kerja kehematan yang responsif terhadap persekitaran yang berubah-ubah, dan pada masa yang sama mengekalkan keseimbangan yang wajar antara preskripsi pengawalseliaan dengan pertimbangan penyeliaan yang dibentuk oleh kualiti amalan tadbir urus dan pengurusan risiko institusi. Dalam hal ini, Bank terus mempertingkatkan pendekatan penyeliaannya bagi memastikan perhatian dan sumber penyeliaan diagihkan dengan wajar mengikut penilaian yang bertepatan tentang profil risiko institusi kewangan. Bank juga memberikan lebih tumpuan pada usaha mengukuhkan lagi orientasi kehematan makro bagi pengawalan yang menjadi dasar pengawasan kehematan mikro Bank terhadap setiap institusi kewangan. Usaha ini menyumbang ke arah pemahaman yang lebih menyeluruh tentang risiko sistemik dan puncanya, dan keinstitusian kerjasama antara agensi serta kerjasama merentas sempadan yang lebih berkesan dalam bidang pengawasan dan penyeliaan.

Bank terus memberi tumpuan terhadap menghasilkan rangka kerja kehematan yang responsif terhadap persekitaran yang berubah-ubah, dan pada masa yang sama mengekalkan keseimbangan yang wajar antara preskripsi pengawalseliaan dengan pertimbangan penyeliaan

Pada tahun 2009, perbincangan dan interaksi penyeliaan dengan industri kewangan terus dipertingkatkan bagi memantau dan bertindak balas terhadap isu-isu risiko yang muncul dalam industri. Ini termasuk lebih banyak interaksi dengan lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan tentang hasil ujian ketahanan, kebimbangan pengurusan risiko dan strategi pengurusan modal. Interaksi sedemikian penting terutamanya bagi memastikan institusi beroperasi dengan penampan kewangan yang mencukupi, kerana ketaktentuan yang ketara sepanjang tahun terus membayangi tahap pemulihan global.

Perkembangan pengawalseliaan antarabangsa dan domestik

Sebagai tindak balas terhadap krisis kewangan global, bank-bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan kewangan telah mengemukakan agenda yang agresif untuk mereformasi sistem pengawalan kewangan global. Sebagai salah satu daripada agenda ini, badan penetapan piawaian antarabangsa, termasuk Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) dan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS), sedang

berusaha dengan gigih untuk mempertingkatkan piawaian antarabangsa sedia ada tentang pengawalan. Badan-badan ini berusaha menangani pelbagai isu yang menyumbang kepada kegagalan pasaran yang dialami sewaktu krisis. Reformasi yang dicadangkan termasuk langkah-langkah untuk: (i) meningkatkan kualiti dan paras modal yang dipegang oleh institusi kewangan; (ii) mengukuhkan keperluan dan pengurusan risiko mudah tunai; (iii) melaksanakan piawaian peruntukan yang pandang ke hadapan; (iv) menjajarkan amalan ganjaran dengan risiko yang diambil; (v) meningkatkan ketelusan dalam pasaran derivatif; dan (vi) mengukuhkan rangka kerja penyeliaan dan pengaturan semasa berurusan dengan kumpulan kewangan merentas sempadan.

Bank-bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan kewangan telah mengemukakan agenda yang agresif untuk mereformasi sistem bagi pengawalan kewangan global

Pada peringkat global, kini sudah ada kesepakatan secara umum bahawa orientasi kehematan makro untuk pengawalan perlu diperkukuhkan. Krisis yang baru melanda memperlihatkan bagaimana tingkah laku institusi perbankan dan institusi leveraj tinggi (highly leveraged institutions) lain secara kolektif dapat menyumbang kepada pertambahan risiko yang besar dalam sistem kewangan, yang akhirnya menjejaskan kestabilan kewangan. Pengawalan secara kehematan makro mementingkan kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan dan bertindak secara langsung terhadap pertambahan risiko sistemik. Sebaliknya, pengawalan secara kehematan mikro hanya mementingkan keselamatan dan keteguhan setiap institusi secara individu dan lazimnya tidak mengambil kira kepentingan sistemik sesebuah institusi, kemungkinan bagi tingkah laku secara kolektif untuk memburukkan kitaran kewangan dan ekonomi, atau kesalinghubungan peserta dalam sistem kewangan.

Ketika krisis melanda, rangka kerja pengawalan perbankan sedia ada diakui tidak memadai untuk menangani risiko sistemik. Oleh itu, pertimbangan pilihan dasar dilaksanakan pada peringkat antarabangsa baru-baru ini, bertujuan memperkukuh dengan ketara unsur pengawalan kewangan secara kehematan makro. Cadangan awal berhubung dengan perkara ini telah dikemukakan oleh BCBS pada bulan Disember 2009. Ini termasuk cadangan untuk menggalakkan penampan modal kitaran berbalas yang akan membantu memastikan sektor perbankan berperanan sebagai penyerap kejutan dan bukannya sebagai saluran di mana risiko digandakan. Had leveraj bukan berasaskan risiko juga mungkin dikenakan untuk membendung pertambahan pinjaman yang tidak terkawal dalam sektor perbankan. Di samping itu, surcaj modal dan mudah tunai dan perincian rangka kerja modal sedang dalam pertimbangan bagi menangani risiko yang diwujudkan oleh institusi penting secara sistemik (systemically important institutions). Cadangan ini kini sedang dinilai oleh BCBS dengan lebih terperinci dan saranan yang lebih khusus dijangka dikemukakan pada tahun 2010.

Bank merupakan peserta aktif dalam proses reformasi antarabangsa melalui perwakilan bagi kumpulan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia Pacific Central Banks, EMEAP) yang dianggotai oleh Bank, serta penyertaannya secara langsung dalam proses perundingan dan penilaian impak global. Meskipun Bank secara amnya menyokong reformasi yang dicadangkan bagi mencapai rangka kerja modal yang lebih sensitif kepada risiko serta amalan pengurusan dan penilaian risiko mudah tunai yang lebih teguh, pakej cadangan terkini yang lebih meluas melibatkan struktur modal, piawai mudah tunai global minimum, leveraj dan pengolahan institusi penting secara sistemik akan memerlukan penelitian yang lebih rapi. Memandangkan isu-isu yang terlibat adalah lebih rumit, serta akibatnya yang nyata bagi sistem kewangan dalam tempoh jangka pendek dan panjang, cadangan tersebut perlu dinilai dengan teliti. Ini bagi memahami sepenuhnya implikasi terhadap institusi kewangan serta pasaran kewangan di Malaysia, dan bagi memastikan reformasi tidak menjejaskan keupayaan sektor perbankan untuk memainkan peranannya yang penting dalam ekonomi.

Bank kini sedang melaksanakan penilaian impak untuk menentukan kesan kumulatif

langkah-langkah yang dicadangkan terhadap sektor kewangan – termasuk impak yang mungkin dihadapi oleh proses pengantaraan kewangan, struktur keinstitusian dan tingkah laku peserta pasaran – sebagai input untuk membantu Bank memberikan respons terhadap cadangan tersebut. Pertimbangan khusus akan diberikan pada rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang sedia ada di dalam negara dan setakat mana rangka kerja semasa menyampaikan secukupnya hasil yang dirancang oleh langkah-langkah baharu yang dicadangkan. Hala tuju rangka kerja kehematan Malaysia kemungkinannya akan mengenakan peraturan lebih ketat dalam aspek tertentu, sementara mengekalkan kefleksibelan di bawah pendekatan yang lebih berasaskan prinsip (dengan pengawasan penyeliaan berkesan) bagi institusi mencapai keputusan penyeliaan yang ditetapkan dengan jelas dalam aspek lain. Dalam hal ini, agenda Bank akan terus tertumpu pada usaha menggalakkan sektor kewangan yang kompetitif dan cekap, yang mampu menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, dan dalam pada itu sentiasa memastikan bahawa langkah ini dicapai tanpa menjejaskan kestabilan kewangan.

Kesan krisis kewangan terhadap industri insurans global pula tidak begitu ketara, kecuali bagi penanggung insurans jaminan kewangan. Namun begitu, reformasi global yang tertumpu pada industri perbankan pastinya sedikit sebanyak akan membawa implikasi bagi rangka kerja pengawalan insurans untuk mengelakkan arbitraj pengawalseliaan dan mengekalkan pengawasan risiko sistemik yang berkesan. IAIS telah mengumumkan inisiatif untuk menyeragamkan rangka kerja kesolvenan penanggung insurans pada peringkat antarabangsa dan membangunkan rangka kerja bersama bagi tujuan penyeliaan kumpulan insurans yang aktif pada peringkat global. Inisiatif ini ialah hasil daripada kajian pada tahun 2009 oleh Forum Bersama (Joint Forum) (jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahli BCBS, IAIS dan Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (International Organisation of Securities Commissions, IOSCO) untuk menangani isu-isu merentas sektor) yang mengenal pasti perbezaan penting yang masih wujud dalam sifat dan skop pengawalan kewangan antara sektor perbankan, sekuriti dan insurans. Secara khusus, laporan tersebut mengenal pasti bahawa meskipun sektor-sektor tersebut terdedah kepada faktor risiko yang sama dan terdapatnya peningkatan interaksi dan pemindahan risiko yang merentasi tiga sektor ini, terdapat beberapa aspek yang berbeza pengolahannya bagi tujuan pengawalan berhemat institusi kewangan di bawah sistem penyeliaan sektor masing-masing. Perbezaan dikenal pasti terutamanya dalam aspek pengawalan dan penyeliaan kumpulan kewangan, perbezaan konsep dan teknikal dalam pengawalan kehematan termasuk rangka kerja modal, dan sejauh mana pengawalan menangani kendalian perniagaan dan perlindungan pengguna. Perkembangan pada peringkat antarabangsa ini membayangkan bahawa akan ada lebih pertumpuan dalam rangka kerja pengawalan merentas sektor perbankan dan insurans yang akan mempunyai implikasi pula terhadap rangka kerja berhemat bagi penanggung insurans di Malaysia.

Bahagian-bahagian berikut akan memberikan butir-butir lanjut tentang perkembangan penting dalam rangka kerja pengawalseliaan berhemat domestik pada tahun 2009.

Kecukupan modal

Pada bulan Disember 2009, Bank mengeluarkan keperluan dan panduan muktamad tentang pelaksanaan Pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) bagi risiko kredit di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal Wajaran Risiko (Risk-Weighted Capital Adequacy Framework, RWCAF) untuk institusi perbankan dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Capital Adequacy Framework for Islamic Banks, CAFIB). Di bawah pendekatan ini, institusi perbankan dibenarkan untuk menggunakan anggaran dalaman parameter risiko (iaitu kemungkinan berlakunya mungkir (probability of default), kerugian akibat mungkir (loss given default) dan pendedahan sewaktu mungkir (exposure at default)) untuk menentukan keperluan modal pengawalseliaan. Institusi perbankan perlu mendapat kelulusan eksplisit daripada Bank untuk menerima pakai Pendekatan IRB. Kelulusan yang diberikan kepada institusi perbankan untuk menggunakan anggaran risiko sendiri adalah berdasarkan penilaian penyeliaan amalan dan infrastruktur pengurusan risiko sesebuah institusi perbankan. Langkah ini bagi memastikan bahawa anggaran risiko yang diperoleh terbukti mantap dan mencerminkan dengan wajar profil risiko

institusi tersebut. Keperluan minimum yang digariskan di bawah Pendekatan IRB sebahagian besarnya berdasarkan panduan yang diterbitkan oleh BCBS, yang diselaraskan dengan wajar untuk menetapkan parameter risiko supaya lebih sepadan dengan persekitaran operasi dan pengalaman mungkir domestik.

Institusi perbankan atau kumpulan perbankan yang mempunyai operasi perbankan Islam dibenarkan menggunakan model IRB konvensional bagi aset perbankan Islam sekiranya dapat dibuktikan bahawa anggaran risiko yang diperoleh daripada model IRB konvensional mencerminkan profil risiko aset perbankan Islam. Institusi perbankan Islam yang memanfaatkan infrastruktur, proses dan metodologi IRB kumpulan hendaklah selanjutnya membuktikan melalui proses dalaman peringkat entiti yang ditakrifkan dengan jelas, bahawa penerapan pendekatan bersama kumpulan adalah wajar bagi institusi perbankan Islam tersebut.

Rangka kerja IRB juga mengambil kira secara eksplisit sifat-sifat khusus perniagaan perbankan Islam, termasuk memberi penekanan dalam mengenal pasti risiko kredit pada peringkat pembiayaan yang berbeza-beza di bawah pelbagai kontrak Syariah dan pelarasan parameter penyeliaan agar mencerminkan ciri-ciri perkongsian kerugian yang wujud di bawah kontrak *musyarakah* dan *mudharabah,* yang mempunyai persamaan dengan ciri-ciri ekuiti. Bank menjangka dapat menghalusi parameter risiko bagi aset perbankan Islam di masa hadapan apabila lebih banyak data dapat diperoleh tentang pengalaman dan kesan kontrak Syariah yang berbeza-beza.

Dengan pelaksanaan Pendekatan IRB, beberapa institusi perbankan yang terbesar di Malaysia akan menerima pakai pendekatan yang lebih canggih terhadap penilaian dalaman kecukupan modal. Pada tahun 2009, Bank menyempurnakan penilaian penyeliaan terhadap 11 institusi perbankan, termasuk tiga di antara institusi perbankan terbesar di Malaysia mengikut saiz aset, yang telah diberikan kelulusan dari segi prinsip untuk menerima pakai Pendekatan IRB bagi pelaksanaan pada tahun 2010. Penilaian penyeliaan ini membabitkan penilaian menyeluruh tentang pematuhan institusi perbankan dengan komponen kuantitatif dan kualitatif keperluan minimum IRB, termasuk keteguhan sistem pengurusan maklumat, kualiti data dan proses tadbir urus yang menyokong Pendekatan IRB. Berdasarkan penilaian ini, kelulusan telah diberikan kepada tiga institusi perbankan untuk melaksanakan Pendekatan IRB berkuat kuasa Januari 2010. Lapan institusi perbankan lain pula dikehendaki melaksanakan langkah-langkah khusus berkaitan dengan penerapan model dalaman dan proses berkaitan, termasuk: (i) tindakan untuk memperbaik kestabilan dan kebolehpercayaan model korporat yang baru dihasilkan dan ditentukur (calibrate) semula; (ii) menentusahkan kesesuaian keadaan kemerosotan yang diterima pakai semasa memperoleh anggaran risiko bagi portfolio runcit tertentu; (iii) memperbaik keupayaan ramalan model tersebut; dan (iv) memperluaskan penggunaan penarafan dalaman dan anggaran kerugian dalam operasi perniagaan harian institusi perbankan. Bank menjangkakan isu-isu ini dapat ditangani sepenuhnya menjelang bulan Jun 2010, dan selepas itu institusi-institusi tersebut akan dibenarkan mengguna pakai Pendekatan IRB sepenuhnya pada separuh tahun kedua 2010. Bagi institusi perbankan yang beralih kepada Pendekatan IRB, kesan terhadap tahap modal bagi 11 institusi perbankan tersebut banyak berbeza, mencerminkan perbezaan yang wujud dalam kualiti aset dan komposisi kunci kira-kira.

Dengan pelaksanaan Pendekatan IRB, beberapa institusi perbankan yang terbesar di Malaysia akan menerima pakai pendekatan yang lebih canggih terhadap penilaian dalaman kecukupan modal

Usaha terhadap proses penilaian penyeliaan (Tunggak 2) bagi rangka kerja kecukupan modal untuk institusi perbankan juga dipergiat pada tahun 2009. Tunggak 2 bertujuan menggalakkan proses yang lebih mapan dilaksanakan dalam institusi perbankan untuk menilai kedudukan kecukupan modal berbanding dengan risiko, di samping tahap pengawalseliaan minimum di bawah Tunggak 1. Usaha ini disokong oleh proses penilaian penyeliaan yang mempertimbangkan kesesuaian penilaian modal dalaman sesebuah

institusi dan menyarankan tindakan pemulihan (yang mungkin ataupun tidak membawa kepada keperluan modal tambahan) sekiranya perlu. Di bawah Tunggak 2, institusi perbankan dikehendaki beroperasi pada tahap modal yang melebihi tahap pengawalseliaan minimum yang digariskan di bawah Tunggak 1 bagi mengambil kira risiko yang tidak diambil kira secara khusus di bawah Tunggak 1 dan menyediakan penampan yang mencukupi, sejajar dengan profil risiko dan strategi pengurusan modal sesebuah institusi. Penilaian modal dalaman di bawah Tunggak 2 juga harus mengambil kira bagi keadaan tertekan dengan secukupnya.

Ekoran proses perundingan industri, isu-isu pelaksanaan yang berkisar pada kuantifikasi risiko Tunggak 2 dan hubungan antara penilaian modal dalaman dengan proses penilaian penyeliaan dalam menetapkan sasaran modal dalaman telah dibangkitkan oleh institusi perbankan. Pada tahun 2009, usaha tambahan diambil oleh Bank untuk menilai pendekatan penyeliaannya yang berasaskan risiko berbanding dengan prinsip Tunggak 2. Kesimpulan penilaian ini menunjukkan bahawa prinsip Tunggak 2 sebahagian besarnya sudah pun dirangkum dalam Rangka Kerja Penyeliaan Berasaskan Risiko (Risk-Based Supervisory Framework, RBSF) Bank. Secara khusus, penilaian modal dan perolehan merupakan sebahagian daripada penilaian risiko Bank terhadap institusi perbankan dalam menentukan taraf risiko keseluruhan institusi tersebut. Dari segi amalan, institusi yang dinilai sebagai berisiko tinggi mungkin perlu mengekalkan tahap modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, bersama-sama dengan langkah pengurangan risiko lain yang diperlukan untuk mengukuhkan kedudukan institusi. Pada tahap keseluruhan sistem, nisbah kecukupan modal wajaran risiko (risk-weighted capital adequacy ratio, RWCR) sistem perbankan pada masa ini mencecah 14.7%, jauh lebih tinggi berbanding paras pengawalseliaan minimum iaitu 8%, disebabkan strategi pengurusan modal berhemat yang diterapkan oleh sebahagian besar institusi dan campur tangan penyeliaan khusus dalam institusi berisiko tinggi.

Penambahbaikan khusus terhadap RBSF sedang dipertimbangkan untuk lebih menjajarkan proses Tunggak 2 dengan RBSF bagi menyokong pertimbangan penyeliaan dalam penilaian kesesuaian sasaran modal dalaman yang diwujudkan di bawah Tunggak 2. Ini termasuk pertimbangan yang diperluas bagi penilaian modal di bawah RBSF bagi mengambil kira, di samping kualiti dan kecukupan modal, kemampuan institusi perbankan untuk mendapatkan modal pada kadar pembiayaan yang munasabah dan kekukuhan proses pengurusan modal. Bank juga bertekad untuk menyepadukan dengan berkesan maklumat tambahan yang boleh diperolehi di bawah Tunggak 2 berhubung penilaian risiko dalaman sesebuah institusi perbankan dengan RBSF untuk mengesahkan penilaian risiko penyeliaan Bank. Panduan muktamad tentang Tunggak 2 akan dikeluarkan pada tahun 2010 dan semua institusi perbankan dijangka mematuhi sepenuhnya keperluan tersebut menjelang akhir tahun 2012.

Keperluan pengawalseliaan terhadap komponen ketiga (Tunggak 3) *Basel II,* iaitu penzahiran yang menyokong disiplin pasaran, telah dimuktamadkan pada tahun 2009 dan dikeluarkan pada bulan Februari 2010 bagi institusi perbankan yang menerima pakai Pendekatan Standard (Standardised Approach). Ini akan disusuli rapat pada tahun 2010 dengan keperluan penzahiran bagi institusi perbankan yang menerima pakai Pendekatan IRB. Tunggak 3 melengkapkan Tunggak Pertama dan Kedua, dan bertujuan memudahkan penilaian oleh peserta pasaran akan kecukupan modal institusi perbankan melalui penzahiran maklumat kualitatif dan kuantitatif utama tentang dedahan risiko, proses penilaian risiko dan tahap modal yang sewajarnya bagi institusi perbankan tersebut. Ini diharap dapat menyokong operasi mekanisme disiplin pasaran yang lebih efektif dalam mengawal tingkah laku pengambilan risiko institusi perbankan. Oleh kerana penzahiran Tunggak 3 ditujukan pada peserta pasaran, perundingan tentang Tunggak 3 mengambil kira secara langsung maklum balas daripada agensi penarafan semasa keperluan Tunggak 3 dimuktamadkan.

Bagi tujuan pematuhan keperluan Tunggak 3, institusi perbankan dibenarkan memanfaatkan keperluan penzahiran Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards, FRSs) yang sedia ada, dan dengan itu mengurangkan duplikasi yang keterlaluan. Penzahiran di bawah FRSs akan ditambah dengan maklumat tambahan yang tersedia kepada pasaran di bawah Tunggak 3. Ini termasuk maklumat tentang risiko operasi, struktur modal,

kecukupan modal, proses penilaian kecukupan modal dalaman, dedahan pensekuritian, kawalan berkaitan model dalaman, dedahan luar kunci kira-kira, ujian balik (back-testing) dan ujian ketahanan. Maklumat tentang dedahan risiko di bawah Tunggak 3 juga akan lebih terperinci, dan akan mengandungi penzahiran tambahan dedahan pensekuritian dan syarikat luar kunci kira-kira konsisten dengan pindaan oleh BCBS sebagai tindak balas terhadap krisis kewangan global. Bagi menggalakkan penzahiran yang lebih bermakna, Bank telah memilih untuk menerima pakai pendekatan bukan preskriptif untuk Tunggak 3, yang tidak mewajibkan penzahiran standard sepenuhnya. Sebaliknya, institusi perbankan dikehendaki menetapkan dasar dalaman secara formal dan proses pengawasan yang berkesan bagi penzahiran Tunggak 3. Bank menjangka kualiti dan tahap penzahiran yang dibuat oleh institusi perbankan di bawah Tunggak 3 akan terus bertambah baik apabila pengalaman lebih meluas diraih di peringkat domestik melalui amalan penzahiran sebenar.

Perkembangan dalam rangka kerja modal antarabangsa masih berubah dengan cadangan modal yang dikeluarkan oleh BCBS pada bulan Disember 2009 sebagai sebahagian daripada pakej reformasi menyeluruh untuk memperteguh daya tahan sektor perbankan masih dalam proses rundingan. Cadangan tersebut termasuk: (i) keperluan pematuhan baharu pada peringkat ekuiti biasa (common equity) yang ditakrifkan sebagai saham biasa dan perolehan tertahan; (ii) penentukuran semula nisbah modal Peringkat 1 dan nisbah jumlah modal sedia ada; (iii) keperluan agar modal Peringkat 1 sebahagian besarnya di dalam bentuk ekuiti biasa, yang secara langsungnya menghendaki agar institusi perbankan tidak terlalu bergantung pada sekuriti hibrid dan instrumen modal hutang subordinat; dan (iv) pengurangan modal yang sebahagian besarnya akan diaplikasikan ke atas ekuiti biasa. Meskipun kesan cadangan ini kemungkinannya ketara bagi sesetengah institusi, penampan modal yang besar yang kini disenggarakan oleh institusi perbankan di Malaysia akan membantu institusi perbankan menyerap sebarang pelarasan kepada keperluan modal baharu. Nisbah modal Peringkat 1 dan RWCR institusi perbankan masing-masing pada 13.1% dan 14.7%, pada akhir bulan Disember 2009. Ekuiti biasa dan perolehan tertahan merangkumi bentuk modal yang utama, manakala instrumen modal hibrid menyumbang kurang daripada 14% daripada jumlah modal Peringkat 1.

Peralihan industri insurans Malaysia kepada Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) daripada rejim Margin Kesolvenan berjalan lancar pada 1 Januari 2009. Penerapan RBC telah menjuruskan lagi secara signifikan tumpuan penanggung insurans terhadap pemacu risiko perniagaan melalui pengiraan modal yang berlaraskan risiko, dan unsur ujian ketahanan dan senario yang terkandung dalam rangka kerja tersebut. Ini berdasarkan pertimbangan lebih sistematik yang diambil oleh penanggung insurans terhadap pemacu risiko utama dalam menjajarkan reka bentuk produk, peruntukan aset dan strategi perniagaan dengan kesanggupan mengambil risiko dan sumber modalnya, seterusnya memudahkan integrasi aktiviti pengurusan risiko dan modal.

Peralihan industri insurans Malaysia kepada Rangka Kerja RBC daripada rejim Margin Kesolvenan berjalan lancar pada 1 Januari 2009

Oleh kerana Rangka Kerja RBC ditentukur ke tahap pengalaman purata industri, penanggung insurans dikehendaki menetapkan sasaran modal dalaman sendiri yang lebih tinggi daripada nisbah kecukupan modal minimum tanda aras di bawah rangka kerja tersebut iaitu 130%. Bagi tujuan ini, sesebuah penanggung insurans harus mengambil kira profil risikonya secara khusus, dengan mempertimbangkan risiko yang diambil kira dalam pengiraan modal pengawalseliaan di bawah Rangka Kerja RBC serta risiko yang tidak diambil kira, atau tidak diambil kira dengan sepenuhnya, dalam pengiraan modal pengawalseliaan. Pada akhir bulan Disember 2009, nisbah kecukupan modal seluruh industri mencecah 230%, jauh melepasi jumlah minimum tanda aras. Semasa peralihan kepada rangka kerja baharu, penanggung insurans individu diberikan beberapa fleksibiliti dari segi tempoh masa untuk memenuhi tahap sasaran modal dalaman, berdasarkan rancangan pengurusan modal yang dikemukakan kepada

Bank. Keadaan pasaran yang semakin baik sejak suku tahun kedua 2009 telah menstabilkan lagi kedudukan modal penanggung insurans semasa peralihan, lantas membolehkan strategi pengurusan modal penanggung insurans terus dilaksanakan tanpa perubahan ketara.

Kebimbangan awal bahawa penanggung insurans mungkin tidak akan menawarkan produk yang lebih intensif modal ekoran pelaksanaan Rangka Kerja RBC tidak menjadi kenyataan. Jelasnya, penanggung insurans hayat terus mengekalkan rangkaian produk yang luas dan pelbagai dengan lebih daripada 120 produk insurans hayat dan perubatan baharu diperkenalkan pada tahun 2009 bagi terus memenuhi pelbagai keperluan pemegang polisi untuk perlindungan. Disiplin penentuan harga bagi produk baharu juga meningkat, lantas meletakkan penanggung insurans pada kedudukan yang lebih baik bagi memenuhi kehendak munasabah pemegang polisi (policyholders' reasonable expectations) dalam keadaan pasaran yang lebih tidak menentu pada masa hadapan.

Usaha terhadap Rangka Kerja RBC untuk pengendali takaful (RBC Framework for takaful operators, RBCT) terus dipergiat pada tahun 2009, dengan parameter konsep bagi model modal dan penghasilan komponen penilaian bagi perniagaan takaful keluarga dan am sebahagian besarnya telah disiapkan. Dalam proses tersebut, pertimbangan berkaitan (misalnya berkenaan dengan penggunaan *Qard* untuk menampung defisit dalam dana Risiko Peserta dan penyediaan peruntukan bagi liabiliti dalam dana takaful), telah diteliti dan diselesaikan melalui rundingan dengan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Sama seperti Rangka Kerja RBC, RBCT akan menggalakkan penilaian modal yang lebih menyeluruh sejajar dengan profil risiko sesebuah pengendali takaful, dan pada masa yang sama menangani secara khusus perbezaan sedia ada yang ketara antara sifat risiko yang ditanggung di bawah insurans konvensional dengan kontrak takaful. Rangka kerja tersebut juga umumnya konsisten dengan prinsip yang digariskan dalam draf dedahan yang diterbitkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) pada bulan Disember 2009 mengenai Keperluan Solvensi bagi Usaha Niaga Takaful. Rundingan dengan industri tentang perincian Rangka Kerja RBCT dan penilaian impak akan dimulakan pada tahun 2010 dengan jangkaan masa sasaran bagi pelaksanaan seiring rangka kerja tersebut menjelang tahun 2011.

Pengurusan risiko mudah tunai

Seiring dengan aliran kerja teras dalam bidang modal, Bank memulakan kajian semula terhadap rangka kerja berhemat bagi pengurusan dan pengawalseliaan risiko mudah tunai pada tahun 2009. Pada bulan Julai 2009, Bank mengeluarkan kertas konsep yang menggariskan cadangan penambahbaikan terhadap Rangka Kerja Mudah Tunai sedia ada. Rangka kerja ini menetapkan standard minimum untuk mengenal pasti dan mengukur keperluan mudah tunai oleh institusi perbankan dan penampan mudah tunai yang mencukupi yang perlu dikekalkan bagi memenuhi keperluan tersebut secara berterusan. Penambahbaikan yang dibuat termasuk keperluan tambahan supaya dedahan risiko mudah tunai mata wang asing diurus secara berasingan menurut mata wang, piawaian lebih kukuh bagi unjuran aliran tunai, potongan nilai (haircuts) yang dikemaskinikan bagi aset mudah tunai dan keperluan pelaporan mudah tunai yang lebih terperinci. Di samping itu, institusi perbankan yang ternyata mempunyai sistem pengurusan risiko mudah tunai dalaman yang lebih canggih dan teguh diberikan kelonggaran untuk memanfaatkan sistem tersebut bagi tujuan mematuhi keperluan pengawalseliaan. Maklum balas industri terhadap penambahbaikan yang dicadangkan telah diterima dan sedang dikaji bersama dengan cadangan yang baru dikeluarkan oleh BCBS untuk memperkenalkan piawaian kuantitatif mudah tunai minimum global. Konsep nisbah perlindungan mudah tunai 30 hari yang terkandung dalam piawaian kuantitatif yang dicadangkan oleh BCBS adalah konsisten dengan Rangka Kerja Mudah Tunai yang diterima pakai di Malaysia sejak tahun 2000. Namun, beberapa perbezaan wujud dari segi takrifan aset mudah tunai dan penentukuran parameter ketahanan untuk mengunjurkan aliran tunai. Selanjutnya, BCBS turut mencadangkan nisbah pendanaan berstruktur jangka panjang minimum yang bertujuan untuk menangani ketidakpadanan mudah tunai dan memberikan insentif kepada institusi perbankan agar membiayai aktiviti dengan sumber pendanaan yang lebih stabil. Berdasarkan penilaian awal terhadap cadangan BCBS tersebut, kesan ke atas kedudukan mudah tunai institusi perbankan dijangka signifikan sekiranya cadangan diterima pakai secara keseluruhan

dalam bentuknya yang sedia ada. Bank akan melaksanakan usaha lanjut dalam bidang ini dan sedang mengumpul input tambahan daripada industri tentang penentukuran piawaian global tersebut, termasuk kesan piawaian yang dicadangkan ke atas pasaran kewangan dan fungsi pengantaraan. Hasil usaha ini juga akan diambil kira dalam maklum balas Bank terhadap cadangan BCBS melalui EMEAP.

Pada masa yang sama, Bank meninjau amalan pengurusan risiko mudah tunai industri untuk mengukur sejauh mana amalan semasa konsisten dengan semakan Prinsip-prinsip Pengurusan dan Pengawalseliaan Mudah Tunai Kukuh (Principles for Sound Liquidity Risk Management and Supervision), yang dikeluarkan oleh BCBS pada bulan September 2008 yang telah mengambil kira pengajaran daripada krisis kewangan semasa dan peningkatan dalam amalan industri. Tinjauan ini memberikan cerapan yang amat berguna tentang amalan pengurusan risiko mudah tunai semasa dalam industri dan memaparkan cabaran pelaksanaan yang bakal dihadapi dalam memenuhi peningkatan piawaian global yang dihuraikan dalam semakan prinsip BCBS. Maklum balas tinjauan menunjukkan institusi perbankan sebahagian besarnya menerima pakai strategi pengurusan risiko mudah tunai yang berhemat meskipun amalan industri belum lagi dibangunkan sepenuhnya dalam sesetengah aspek. Tahap pematuhan ini banyak berbeza antara institusi. Bagi sesetengah institusi, pendekatan terhadap pengurusan mudah tunai masih dipacu sebahagian besarnya oleh pertimbangan kepatuhan, lantas membataskan penambahbaikan pengiraan risiko mudah tunai, pemantauan dan sistem kawalan dalaman yang diperlukan untuk menyokong pendekatan yang mengambil kira dengan lebih menyeluruh perkembangan dalam strategi perniagaan dan pendanaan institusi. Institusi perbankan turut mengakui bahawa penambahbaikan juga perlu bagi mewujudkan tahap toleransi risiko mudah tunai dalaman yang eksplisit dan jelas sebagai asas untuk menghasilkan had operasi yang lebih khusus untuk risiko mudah tunai, termasuk had ke atas pendanaan menurut mata wang dan dedahan kepada entiti berkaitan.

Keupayaan untuk memantau dedahan risiko mudah tunai secara berterusan dari perspektif peringkat institusi serta kumpulan juga memberi cabaran operasi yang ketara bagi banyak institusi perbankan. Misalnya, penaiktarafan infrastruktur dan proses diperlukan untuk mengurangkan campur tangan secara manual yang kini diperlukan institusi perbankan bagi mendapatkan dan mengagregat data merentas sistem yang berbeza bagi tujuan menentukan dedahan mudah tunai pada penghujung hari. Institusi perbankan juga mengenal pasti sistem data dan pelaporan yang kurang fleksibel sebagai faktor penting yang kini mengekang keupayaan untuk melaksanakan analisis yang lebih mendalam terhadap dedahan risiko mudah tunai. Kekurangan ini penting untuk diatasi bagi menyokong amalan pemantauan dan pengurusan risiko mudah tunai lebih berkesan, termasuk keupayaan untuk melaksanakan ujian ketahanan yang lebih mantap dan memperuntukkan kos dan risiko mudah tunai kepada aktiviti perniagaan. Meskipun pelaburan yang besar perlu dibuat oleh institusi perbankan bagi tujuan ini, namun sifat risiko mudah tunai yang berubah-ubah dan potensi untuk mencetus kehilangan keyakinan para pendeposit dan pihak berkaitan lain (counterparties), khususnya di bawah keadaan tekanan, memperlihatkan betapa pentingnya usaha perlu dipertingkatkan oleh institusi perbankan bagi memperkukuh keupayaan pengurusan risiko mudah tunai dalaman.

Berdasarkan tinjauan dan penilaian penyeliaan oleh Bank, kebanyakan institusi perbankan telah melaksanakan program untuk mengendalikan ujian ketahanan risiko mudah tunai secara kerap, namun masih ada ruang bagi penglibatan yang lebih bermakna oleh pihak pengurusan kanan dan unit perniagaan dalam proses mengenal pasti senario ketahanan. Senario ketahanan yang dikenal pasti, secara amnya adalah agak sederhana, dan jarang-jarang mengambil kira senario yang lebih serius, seperti kehilangan akses pasaran pendanaan borong, ufuk masa yang lebih lama bagi senario ketahanan atau penutupan pasaran modal. Meskipun kumpulan merentas fungsi (seperti jawatankuasa pengurusan aset dan liabiliti) lazimnya terlibat dalam pelaksanaan ujian ketahanan, terdapat ruang yang lebih luas bagi interaksi melibatkan pertimbangan perniagaan dalam proses ini. Penglibatan unit perniagaan dalam pembentukan senario tekanan adalah contoh di mana pertimbangan perniagaan boleh diterima pakai dengan lebih berkesan dalam proses ujian ketahanan dengan

mempertimbangkan rangkaian senario andaian (hypothetical scenario) yang lebih luas. Ini juga membolehkan penjajaran lebih rapat antara keputusan perniagaan strategik dengan profil risiko mudah tunai institusi perbankan. Isu-isu ini ditangani dalam dialog penyeliaan antara Bank dengan institusi perbankan sepanjang tahun dengan tujuan memperketatkan amalan ujian ketahanan mudah tunai dalam industri.

Tadbir urus korporat

Pada tahun 2009, Bank terus memberi tumpuan utama terhadap inisiatif untuk mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat dalam institusi kewangan. Berbekalkan kesedaran tentang peranan penting yang dimainkan oleh lembaga pengarah dalam menggalakkan amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap, sumber yang banyak terus ditumpukan melalui program pendidikan berterusan yang berstruktur yang digariskan di bawah inisiatif Pendidikan untuk Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE) ke arah memperlengkap lembaga pengarah agar mereka dapat melaksanakan peranan ini dengan berkesan.

Sejak pelancaran program FIDE pada bulan November 2008, 131 pengarah institusi perbankan, penanggung insurans dan pengendali takaful telah selesai mengikuti program teras yang meneliti aplikasi tadbir urus yang kukuh dalam konteks khusus isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor-sektor berbeza dalam industri kewangan. Program FIDE teras terus mendapat sambutan menggalakkan, dan kandungannya dipertingkatkan secara berterusan sepanjang tahun sebagai tindak balas terhadap perkembangan dalam industri, amalan global dan saranan khusus bagi penambahbaikan yang diterima daripada peserta. Lantaran kesan positif FIDE dari segi memantapkan lembaga pengarah, maka terhasil dua program tambahan yang diperkenalkan pada tahun 2009 – program pengenalan kepada perbankan bagi pengarah yang mempunyai pengalaman perbankan yang agak terbatas dan program yang memberi tumpuan khusus kepada pengurusan risiko dalam kewangan Islam. Usaha juga mula digembleng untuk menghasilkan program yang lebih khusus untuk peranan tertentu lembaga pengarah, dengan keutamaan segera diberikan kepada ahli jawatankuasa audit lembaga dan jawatankuasa pengurusan risiko lembaga. Sebagai sebahagian daripada usaha memperlengkap FIDE, lapan acara dianjurkan pada tahun 2009 yang mengundang penceramah terkemuka untuk berkongsi pengalaman berguna tentang rangkaian isu meluas berkaitan tadbir urus, risiko dan strategi yang relevan kepada peranan dan jangkaan lembaga pengarah institusi kewangan.

Sejak pelancaran program FIDE pada bulan November 2008, 131 pengarah institusi perbankan, penanggung insurans dan pengendali takaful telah selesai mengikuti program teras

Melangkaui objektif pendidikan, inisiatif FIDE menyediakan platform penting yang membolehkan para pengarah institusi kewangan berinteraksi antara satu sama lain serta Bank tentang isu-isu umum yang dihadapi oleh lembaga pengarah semasa melaksanakan fungsi pengawasan. Bank turut memanfaatkan peluang untuk menekankan jangkaan terhadap lembaga pengarah bagi memastikan pengurusan institusi kewangan yang mantap. Pada tahun 2009, interaksi ini amat berguna terutamanya dalam menumpukan perhatian Bank dan institusi kewangan bagi mengupas isu-isu dan amalan semasa dalam bidang tadbir urus. Ini termasuk isu-isu yang berkenaan hubung kait lembaga pengarah dengan pihak pengurusan, proses yang digunakan oleh institusi kewangan untuk melantik ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan, kriteria bebas bagi ahli lembaga pengarah, interaksi antara fungsi pengurusan risiko dengan kawalan dalaman, dan hubungan antara lembaga syarikat induk dengan anak syarikat dalam kumpulan kewangan. Bank akan memberi respons kepada isu-isu ini dalam penilaiannya terhadap garis panduan tadbir urus korporat yang bakal diterbitkan pada tahun 2010. Huraian lanjut tentang amalan tadbir urus korporat terdapat dalam rencana khas ``Perkembangan Tadbir Urus Korporat dalam Institusi Kewangan´´.

Pengaturan ganjaran telah menjadi tumpuan utama perdebatan global memandangkan amalan ganjaran dipercayai memainkan peranan penting dalam menggalakkan pengambilan risiko berlebihan oleh institusi kewangan yang paling terjejas oleh krisis kewangan. Pengaturan

Perkembangan Tadbir Urus Korporat dalam Institusi Kewangan

Krisis kewangan global telah menjuruskan perhatian terhadap kepentingan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang berkesan untuk mengelak kerugian dan kegagalan dalam sistem kewangan. Lembaga pengarah yang kurang berkesan dan pengawasan pengurusan kanan yang lemah di beberapa institusi kewangan terbesar dunia merupakan faktor penyumbang utama kepada kerugian kewangan ketara yang telah dialami. Dalam banyak kes, institusi gagal menghayati dan memantau pelaksanaan strategi perniagaan dan risiko berkaitan, serta gagal memberi respons cepat yang sewajarnya terhadap keadaan pasaran yang kian gawat. Pada masa yang sama, institusi yang menunjukkan prestasi semasa krisis yang lebih baik dapat dibezakan secara konsisten melalui tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang lebih berkesan.

Sejak kebelakangan ini, sebagai reaksi kepada krisis, badan penetapan piawaian antarabangsa termasuk Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) dan pengawal selia di beberapa ekonomi utama, telah menghala tumpuan dengan tegas kepada tadbir urus korporat sebagai agenda utama pembaharuan. Pembaharuan ini terutamanya adalah untuk:

(i) mencapai keseimbangan yang sesuai antara kemahiran, pengalaman dan kebebasan lembaga pengarah institusi kewangan;
(ii) memperkukuh amalan lembaga pengarah dengan meletakkan penekanan yang lebih tinggi terhadap peranan, komitmen dan prestasi pengerusi serta jawatankuasa lembaga pengarah;
(iii) memastikan lembaga pengarah berfungsi dengan lebih efektif secara berterusan melalui proses penilaian formal dan penzahiran yang lebih telus;
(iv) mencapai pendekatan yang lebih efektif berhubung dengan induksi, latihan dan pembangunan diri pengarah bukan eksekutif secara berterusan bagi memastikan lembaga pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan baharu dalam industri kewangan;
(v) meningkatkan penglibatan lembaga pengarah dalam pengawasan risiko menerusi jawatankuasa risiko lembaga pengarah yang khusus, disokong oleh ketua pegawai risiko bebas; dan
(vi) mempertingkatkan tahap pengawasan pada peringkat lembaga pengarah berhubung dengan pemberian ganjaran bagi membendung amalan memberi insentif kepada aktiviti pengambilan risiko yang melampau.

Perkembangan ini selari dengan hala tuju dan perubahan yang dititikberatkan dalam mencorakkan amalan tadbir urus korporat bagi sektor kewangan Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Berikutan krisis kewangan Asia pada 1997, langkah memperkukuh tadbir urus korporat merupakan fokus utama usaha bina upaya yang bertujuan untuk mewujudkan asas kukuh bagi sistem kewangan yang stabil dan lebih berdaya tahan. Rangka kerja tadbir urus yang kukuh, disokong oleh amalan tadbir urus yang baik, juga dikenal pasti sebagai keperluan utama untuk peralihan daripada rejim kawal selia berasaskan ketetapan peraturan yang preskriptif kepada rejim yang lebih berasaskan prinsip, dengan lebih pergantungan pada fungsi pengawasan dalaman institusi kewangan untuk mengurus dan mengawal risiko.

Piawaian kehematan tadbir urus korporat yang diterima pakai untuk institusi kewangan di Malaysia dibina berasaskan prinsip-prinsip utama berikut:

(i) **pengasingan yang jelas antara fungsi pengurusan dengan fungsi pengawasan** – ini dikuatkuasakan melalui pengasingan peranan pengerusi dan peranan ketua pegawai eksekutif, mengenakan had yang ketat terhadap bilangan pengarah eksekutif dalam lembaga pengarah, mensyaratkan supaya jawatankuasa utama lembaga pengarah (iaitu audit, risiko, ganjaran dan pencalonan) terdiri daripada pengarah bukan eksekutif sepenuhnya, dan kebertanggungjawaban yang jelas antara unit operasi dengan fungsi kawalan bebas;
(ii) **lembaga pengarah yang cekap dan komited** – bagi memastikan komitmen terhadap hal ehwal institusi kewangan, ahli lembaga pengarah tidak seharusnya memegang terlalu banyak jawatan pengarah luar sehingga menjejaskan perhatian mereka terhadap institusi kewangan.

Lembaga pengarah secara kolektif hendaklah juga memiliki pengalaman dan kepakaran yang diperlukan supaya mampu mencabar secara membina dan memimpin pengurusan, terutamanya berhubung dengan aspek risiko dan strategi. Di samping itu, institusi kewangan mestilah memenuhi kehendak khusus berhubung dengan penyesuaian dan latihan berterusan pengarah;

(iii) **terdapatnya anggota bebas yang mencukupi dalam lembaga pengarah** – sekurang-kurangnya satu per tiga daripada lembaga pengarah sebuah institusi kewangan hendaklah bebas daripada pengaruh pihak pengurusan dan pemegang saham utama;

(iv) **fokus yang jelas, eksplisit dan khusus berhubung dengan tanggungjawab pengawasan lembaga pengarah dalam bidang risiko, kawalan dalaman dan ganjaran serta prestasi dan penggantian anggota lembaga pengarah dan pengurusan** – sejak 2005, semua institusi kewangan dikehendaki menubuhkan jawatankuasa audit, jawatankuasa pengurusan risiko, jawatankuasa ganjaran dan jawatankuasa pencalonan bagi menyokong lembaga pengarah mengawasi fungsi-fungsi tersebut dengan berkesan. Dari segi kewangan Islam, penubuhan Jawatankuasa Syariah yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mengawasi pematuhan Syariah secara menyeluruh juga diperlukan;

(v) **penilaian ketat terhadap pegawai-pegawai utama untuk memastikan mereka layak dan sesuai** – anggota lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pegawai yang memikul tanggungjawab utama terhadap fungsi kawalan hendaklah memenuhi kriteria layak dan sesuai semasa pelantikan dan secara berterusan, dan institusi kewangan hendaklah memastikan proses yang efektif diterap dan berfungsi secara efektif bagi mematuhi keperluan ini;

(vi) **struktur insentif yang sejajar dengan prestasi jangka panjang dan kepentingan pendeposit dan pemegang polisi, di samping pemegang saham** – lembaga pengarah perlu menerap dan memantau secara efektif kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko yang berkesan bagi menangani risiko pada keseluruhan entiti, serta menghindari amalan pemberian ganjaran yang mewujudkan insentif untuk perlakuan yang tidak bertanggungjawab;

(vii) **tanggungjawab eksplisit lembaga pengarah bagi urus niaga dengan pihak berkaitan** – lembaga pengarah dikehendaki menggubal dasar dan prosedur, termasuk menetapkan had-had yang jelas serta prosedur kelulusan dan pemantauan yang wajar, bagi memastikan risiko yang berpunca daripada urus niaga dengan pihak berkaitan ditangani dengan berkesan. Lembaga pengarah juga perlu memastikan bahawa dasar ditetapkan bagi mengenal pasti, mencegah atau menangani serta menzahirkan potensi wujudnya konflik kepentingan dengan sewajarnya; dan

(viii) **pelaporan dan penzahiran yang mencukupi tentang amalan tadbir urus korporat** – institusi kewangan hendaklah memberi gambaran jelas bagaimana piawaian kehematan telah dipatuhi, atau menghuraikan sebarang ketidakpatuhan penting dan langkah alternatif yang diambil bagi memenuhi objektif piawaian yang ingin dicapai. Penzahiran hendaklah meliputi maklumat mengenai komposisi, fungsi dan perilaku lembaga pengarah dan jawatankuasanya, dedahan institusi kepada risiko dan sistem pengurusan risikonya serta penilaian tentang keberkesanan fungsi kawalan dalaman utama (termasuk kawalan risiko).

Pematuhan piawaian kehematan ini merupakan bahagian penting dalam penilaian penyeliaan Bank terhadap keselamatan dan keutuhan institusi kewangan di bawah Rangka Kerja Penyeliaan Berasaskan Risiko. Penilaian ke atas kualiti dan kekukuhan fungsi pengawasan dan kawalan sesebuah institusi adalah titik permulaan penilaian penyeliaan terhadap bagaimana institusi tersebut mengurus risiko bagi setiap bidang aktiviti pentingnya, dan juga menjadi asas Bank memberikan pandangan tentang daya tahan institusi berkenaan secara keseluruhannya, terutamanya dalam keadaan tertekan. Menyedari sumber kewangan adalah terhad dan sering terjejas dalam suasana tekanan, penekanan kepada amalan tadbir urus merupakan pelengkap penting kepada penilaian Bank terhadap prestasi kewangan dan kedudukan modal sesebuah institusi. Penekanan dihalakan kepada isu bagaimana dasar, proses dan kawalan dalaman institusi menyokong pengambilan risiko berhemat yang bersesuaian dengan tahap modal dan keupayaannya. Bank juga menilai

sama ada dasar, proses dan mekanisme kawalan benar-benar berfungsi secara berkesan di institusi tersebut secara menyeluruh. Hasil penilaian ini adalah satu-satunya pertimbangan terpenting dalam menentukan intensiti penyeliaan yang dikenakan terhadap sesebuah institusi dan, dengan itu, tahap kelonggaran yang boleh diberi kepada institusi berkenaan dalam mengurus perniagaannya.

Kini, semakin banyak bukti yang menunjukkan amalan dalam kalangan institusi kewangan di Malaysia mengatasi keperluan kehematan minimum dan menekankan betapa budaya risiko dan tadbir urus telah dipertingkatkan dengan ketara. Mengikut tinjauan terhadap institusi kewangan di Malaysia baru-baru ini, pengarah bukan eksekutif menunjukkan lebih komitmen terhadap masa (termasuk membuat persiapan untuk, dan menghadiri, mesyuarat lembaga pengarah) dalam memberikan perhatian terhadap hal ehwal institusi kewangan, iaitu sehingga 60 hari setahun. Sebanyak 60% daripada institusi kewangan mempunyai lembaga pengarah yang lebih separuh daripada ahlinya memiliki pengalaman langsung dalam sektor kewangan (termasuk pengurusan terdahulu). Ini turut disokong oleh lembaga pengarah yang keahliannya secara keseluruhan mempunyai kombinasi yang baik dari segi kelayakan dan pengalaman yang relevan. Pengarah bebas merupakan ahli majoriti bagi lebih separuh daripada lembaga pengarah semua institusi perbankan. Perkembangan lebih mutakhir ialah peningkatan ketara status ketua pegawai risiko yang diberi kuasa dalam pengurusan dan pengawasan risiko pada peringkat entiti. Beberapa institusi telah memperkukuh kebebasan penuh ketua pegawai risiko dengan memformalkan penetapan garis pelaporan fungsi secara terus *dan hanya* kepada jawatankuasa pengurusan risiko lembaga pengarah. Penambahbaikan juga dilihat dalam urusan antara lembaga pengarah dengan pihak pengurusan berhubung dengan isu risiko, dengan lembaga pengarah mempunyai lebih kawalan terhadap kandungan, aturan masa dan pembentangan maklumat risiko kepada lembaga pengarah. Penambahbaikan ini juga menyokong penghayatan lebih baik oleh lembaga pengarah mengenai perkembangan risiko utama. Peningkatan komitmen dan interaksi lembaga pengarah dibuktikan lagi dengan pengekalan tenaga pakar asing oleh sesetengah institusi untuk menasihati lembaga pengarah tentang isu-isu khusus sekiranya lembaga pengarah secara amnya kurang pengetahuan dan keupayaan bagi membuat keputusan berasaskan maklumat lengkap tanpa melibatkan pihak pengurusan.

Pengenalan program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) pada 2008 telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi keupayaan lembaga pengarah institusi kewangan di Malaysia. Dalam tempoh 14 bulan sejak dilancarkan, 131 pengarah telah menamatkan program FIDE. Interaksi Bank dengan pengarah yang telah menjalani program tersebut mempamerkan penghayatan yang lebih mendalam tentang peri pentingnya sumbangan individu terhadap fungsi lembaga pengarah, di samping menunjukkan keyakinan yang lebih kukuh untuk berurusan dengan pihak pengurusan berhubung dengan isu risiko dan strategi. Kepimpinan lebih berkesan juga telah ditunjukkan oleh pengerusi ke arah menambah baik keberkesanan lembaga pengarah dan jawatankuasa lembaga pengarah yang diterajui. Program FIDE juga diiktiraf sebagai penyumbang ke arah menggalakkan lembaga pengarah lebih teliti dalam memilih dan menilai anggota lembaga pengarah dan pengurusan kanan, di samping mendorong tindakan lebih tegas dalam menyelesaikan isu konflik dan campur tangan tidak wajar terhadap fungsi pengawasan.

Perbincangan terkini di peringkat global mengenai pembaharuan kewangan antarabangsa tertumpu pada saiz institusi kewangan, dengan prospek mengurangkan kos sosial dan ekonomi akibat kegagalan sistemik dengan membataskan skala dan kompleksiti institusi kewangan. Di Malaysia, sektor kewangan dijangka berkembang dan menjadi lebih kompleks menurut peredaran masa. Sungguhpun institusi kewangan di Malaysia telah mencapai kemajuan pesat dalam bidang tadbir urus korporat, amalan tadbir urus perlu terus dipertingkatkan dengan mengambil kira persekitaran yang sentiasa berubah. Dalam jangka pendek dan sederhana, perkembangan penting merangkumi penggunaan dan pergantungan lebih tinggi pada alat pengurusan risiko yang canggih untuk mengenal pasti, mengukur dan mengurus risiko berikutan pelaksanaan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based) di bawah Basel II dan Rangka Kerja Modal

Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans. Tambahan pula, keadaan turun naik pasaran yang lebih ketara serta potensi penularan terus wujud dalam suasana lebih banyak institusi kewangan melebarkan sayap merentas sempadan dan pasaran kewangan menjadi lebih berintegrasi, manakala ketidaktentuan masih wujud tentang tahap dan kekuatan pemulihan ekonomi global. Perkembangan lain termasuk perubahan persekitaran kawal selia yang menjangkakan keperluan modal yang lebih ketat, lebih banyak unsur-unsur budi bicara dalam amalan perakaunan dan jangkaan lebih eksplisit bagi institusi kewangan untuk menguruskan sumber modal melalui pendekatan kitaran lazim (through-the-cycle) yang mengambil kira kesan kitaran ekonomi. Momentum pembangunan kewangan Islam akan terus meningkat lantaran membawa kepada bertambahnya rangkaian produk dan instrumen kewangan Islam yang baharu, sekali gus menimbulkan cabaran Syariah yang unik. Persaingan sengit dalam beberapa segmen pasaran telah mencetus semula kecenderungan untuk melakukan inovasi kewangan, manakala persaingan untuk menarik tenaga mahir juga akan menjadi lebih sengit.

Adalah menjadi peranan lembaga pengarah untuk memahami bagaimana institusi dipengaruhi oleh perkembangan tersebut dan menimbang bagaimana amalan tadbir urus perlu diubah suai bagi memastikan pengawasan dan kawalan yang sentiasa berkesan. Isu yang perlu dipertimbangkan oleh lembaga pengarah termasuk:

- reka bentuk proses dan struktur untuk pengawasan yang berkesan di peringkat kumpulan dan merentas sempadan;
- kawalan yang sewajarnya terhadap penggunaan model dan pelaksanaan budi bicara dan pertimbangan oleh pihak pengurusan;
- integrasi yang berkesan antara fungsi pengurusan risiko dengan fungsi kawalan dalaman dan bagaimana kedua-duanya harus berinteraksi secara berkesan untuk menyokong pengawasan risiko yang berterusan;
- pengawasan berterusan dan mapan tentang bagaimana struktur insentif dalam sesebuah institusi bertindak balas terhadap risiko, persaingan dan inovasi;
- mengambil pendekatan berinteraksi secara lebih efektif dengan pihak berkepentingan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menguruskan jangkaan dan memelihara keyakinan terutamanya apabila menghadapi situasi tertekan;
- reka bentuk program yang berkesan bagi membolehkan anggota lembaga pengarah mengikuti perkembangan terkini dalam industri kewangan secara berterusan; dan
- bagi kewangan Islam, keperluan untuk mengambil kira keunikan ciri-ciri prinsip Syariah dalam tadbir urus dan pengurusan risiko.

Institusi kewangan di Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk memberikan respons secara berkesan kepada isu-isu tersebut dengan memanfaatkan rangka kerja dan peraturan institusi yang telah terbina sepanjang dekad berikutan krisis kewangan Asia. Langkah penambahbaikan dalam rangka kerja kawal selia berhubung dengan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko sedang dipertimbangkan sebagai tindak balas kepada perkembangan baharu, meningkatkan lagi amalan-amalan tadbir urus yang baik dan mengambil iktibar daripada krisis kewangan global. Rangka kerja perundangan juga akan diperkukuh dengan mengkanunkan kewajipan dan tanggungjawab fidusiari para pengarah institusi kewangan. Dengan perhatian khusus yang berterusan kepada isu tadbir urus dalam rangka kerja penyeliaan dan rangka kerja organisasi, perubahan yang berterusan dalam amalan pengurusan risiko dan tadbir urus yang baik akan memperkukuh lagi asas kestabilan kewangan sambil meningkatkan daya saing sektor kewangan Malaysia dalam jangka masa panjang.

ganjaran eksekutif dalam kalangan institusi kewangan di Malaysia belum membangkitkan kebimbangan akan pewujudan insentif bagi pengambilan risiko yang berlebihan. Ini mencerminkan prinsip sedia ada dalam garis panduan tentang tadbir urus korporat yang telah lama dipantau oleh Bank bahawa institusi kewangan harus mengelakkan amalan ganjaran yang mungkin mewujudkan insentif bagi tingkah laku tidak bertanggungjawab. Bank akan terus mengkaji perkembangan dalam amalan ganjaran industri dan mungkin menghasilkan panduan tambahan tentang amalan ganjaran yang kukuh, jika perlu, dengan berlandaskan Prinsip-prinsip bagi Amalan Pampasan Kukuh (Principles for Sound Compensation Practices) yang diterbitkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board) pada bulan April 2009.

Isu lebih penting tentang ganjaran di Malaysia membabitkan ganjaran pengarah bukan eksekutif. Tinjauan yang dilakukan baru-baru ini tentang tahap ganjaran pengarah bukan eksekutif dalam kalangan institusi kewangan, mendapati secara amnya ganjaran buat pengarah bukan eksekutif adalah tidak memadai bagi tanggungjawab lebih berat yang dipikul dan komitmen masa yang diluangkan dalam persekitaran undang-undang, pengawalseliaan dan operasi yang lebih ketat. Namun, lembaga pengarah, dan khususnya pengarah bukan eksekutif, memainkan peranan penting dalam memastikan pengawasan yang mantap terhadap institusi kewangan dan harus diberikan ganjaran yang sepadan dengan pelaksanaan tanggungjawab pengawasan pengarah. Bagi menyokong usaha oleh institusi kewangan untuk menarik dan mengekalkan pengarah bukan eksekutif yang berkaliber, FIDE telah menaja satu kajian bebas yang akan membuat saranan untuk penstrukturan pakej ganjaran bagi pengarah bukan eksekutif berdasarkan amalan terbaik dalam pasaran yang setanding dan penilaian tentang tanggungjawab khusus, tahap komitmen masa, dan kemahiran yang diperlukan bagi lembaga institusi kewangan. Saranan ini juga akan mengambil kira persekitaran kewangan serta ekonomi semasa dan yang berubah yang dihadapi oleh institusi kewangan serta isu-isu yang turut dibangkitkan dalam pelaksanaan fungsi pengawasan pengarah. Tinjauan ini dijangka selesai dan diterbitkan kepada industri pada separuh tahun pertama 2010.

Langkah-langkah juga diambil sepanjang tahun 2009 untuk memperkukuh fungsi utama audit dalaman sebagai komponen penting tadbir urus korporat yang kukuh. Fungsi audit dalaman yang mantap memudahkan pengawasan lembaga pengarah dan proses penyeliaan dengan memberikan jaminan bebas bahawa rangka kerja kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang mencukupi wujud dan beroperasi dengan berkesan dalam institusi kewangan. Kertas konsep tentang Garis Panduan mengenai Fungsi Audit Dalaman telah dikeluarkan oleh Bank pada bulan Jun 2009 dengan tujuan memperkukuh budaya audit dalaman dalam institusi kewangan secara khususnya. Garis panduan ini bertujuan menekankan lagi aspek kebebasan dan keupayaan profesional pihak juruaudit dalaman, mempertingkatkan tumpuan berasaskan risiko audit dalaman dan memperjelas hubungan antara fungsi audit dalaman, fungsi kawalan lain (misalnya pengurusan risiko dan fungsi kepatuhan), dan unit perniagaan di mana audit dalaman juga memainkan peranan penasihat berhubung dengan pewujudan kawalan dalaman di dalam unit perniagaan. Garis panduan muktamad yang mengambil kira maklum balas daripada industri, jika sesuai, akan dikeluarkan pada tahun 2010.

Pengurusan risiko

Pada tahun 2009, Bank terus menumpukan sumbernya pada usaha membangunkan dan menggabungkan piawaian yang menyeluruh tentang amalan pengurusan risiko yang kukuh, mencakup prinsip menyeluruh tentang tadbir urus risiko dengan panduan khusus berhubung pengurusan risiko pasaran, kredit, mudah tunai, operasi dan insurans. Meskipun sebahagian besar persediaan asas prinsip menyeluruh telah selesai, rundingan yang lebih fokus dengan pengamal pengurusan risiko dalam industri perbankan dan insurans telah dilaksanakan untuk menguji sama ada prinsip dan panduan adalah praktikal untuk beroperasi, dan mengambil kira perkembangan terkini dalam amalan pengurusan risiko terbaik. Persidangan Industri Kewangan (Financial Industry Conference) mengenai pengurusan risiko yang dianjurkan oleh Bank pada bulan November 2009 membolehkan dialog lanjut diadakan tentang cabaran risiko utama yang dihadapi oleh institusi perbankan dan penanggung insurans. Pemerhatian tentang gerak balas pengurusan risiko oleh institusi

kewangan terhadap perkembangan kewangan dan ekonomi pada tahun 2009, menyediakan input tambahan terhadap bidang yang perlu dipertingkatkan dalam prinsip dan panduan. Usaha Bank turut dibantu oleh beberapa laporan susulan penting tentang pemerhatian amalan pengurusan risiko dalam kalangan institusi perbankan global yang diterbitkan pada tahun 2009, termasuk pemerhatian yang diterbitkan oleh Kumpulan Penyelia Kanan (Senior Supervisors Group) (forum yang dianggotai oleh penyelia kanan daripada firma perkhidmatan kewangan utama dari Kanada, Perancis, Jerman, Jepun, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat) dan Institut Kewangan Antarabangsa.

Dari segi amalan, pengaturan fungsi pengurusan dan pengawasan risiko dalam kalangan institusi perbankan dan penanggung insurans di Malaysia telah bertambah baik dengan ketaranya, didorong oleh perkembangan signifikan dalam rangka kerja modal dan penyeliaan yang lebih banyak tertumpu pada risiko, penelitian fungsi risiko yang lebih rapi di peringkat global ekoran krisis kewangan, dan pengarah yang lebih berpengetahuan tentang isu risiko dan pendekatan pengurusan risiko. Tahap dan kualiti interaksi antara lembaga pengarah dengan pengurusan kanan tentang isu-isu dan perkembangan risiko penting juga makin mantap. Peningkatan ini menyumbang ke arah memperkukuh budaya risiko dalam institusi, dan memastikan bahawa risiko dikenal pasti dengan pantas, dinilai dan dikawal dengan berkesan sejajar dengan kesanggupan mengambil risiko dan strategi lembaga pengarah.

Pencapaian lebih ketara dalam penerapan pendekatan berasaskan keseluruhan entiti (berbanding tumpuan berasingan) terhadap pengurusan risiko, dengan peranan lebih luas buat Ketua Pegawai Risiko (Chief Risk Officer, CRO) sebagai pemangkin, merupakan hasil penting daripada tumpuan pengurusan risiko Bank. Berasaskan panduan dan input penyeliaan yang sesuai, Bank bercadang untuk menggalakkan penambahbaikan proses yang akan mengukuhkan kedudukan CRO dan penglibatannya dalam proses pengurusan dan pengawasan risiko pada peringkat tertinggi, yang merangkumi semua risiko dan hubung kait antara risiko berbeza. Penekanan yang wajar juga akan diberi bagi mempercepatkan pembaikpulihan infrastruktur risiko agar ia dapat menyokong perkongsian maklumat risiko secara berkesan yang dikehendaki melalui pendekatan pengurusan risiko berasaskan keseluruhan entiti.

Pencapaian lebih ketara dalam penerapan pendekatan berasaskan keseluruhan entiti (berbanding tumpuan berasingan) pengurusan risiko, dengan peranan lebih luas buat Ketua Pegawai Risiko (Chief Risk Officer, CRO) sebagai pemangkin, merupakan hasil penting daripada tumpuan pengurusan risiko Bank

Pada bulan Jun 2009, rangka kerja kehematan bagi institusi kewangan pembangunan (development financial institutions, DFI) telah diperkukuh dengan pengeluaran Garis Panduan mengenai Amalan Terbaik Pengurusan Risiko Kredit untuk DFI. Garis panduan tersebut menghuraikan prinsip utama dan amalan kukuh yang perlu terima pakai oleh DFI bagi pengurusan risiko kredit, termasuk pengawasan lembaga yang berkesan terhadap infrastruktur pengurusan risiko kredit dan pelaksanaan sekatan dan imbangan (checks and balances) yang wajar, disokong pula oleh fungsi audit dalaman yang berkesan. Garis panduan tersebut memperakui mandat khusus DFI untuk membangunkan dan menggalakkan sektor strategik yang disasarkan dalam ekonomi, dengan penambahbaikan yang bertujuan menempatkan DFI pada kedudukan lebih teguh untuk melaksanakan peranan yang dimandatkan secara berterusan. Pada tahun 2009, fleksibiliti turut diberikan kepada DFI untuk membenarkan fungsi bukan teras disediakan oleh penyedia perkhidmatan pemastautin pihak ketiga berdasarkan rangka kerja pengurusan risiko mantap, selaras dengan apa yang diterima pakai oleh institusi perbankan dan penanggung insurans.

Piawaian pelaporan kewangan

Sejajar dengan komitmen bagi pertumpuan dasar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa menjelang tahun 2012, Malaysia telah menerima pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran bagi entiti pelaporan di Malaysia dari 1 Januari 2010. Sementara menunggu penerapan FRS 139, Bank telah merangkumkan unsur-unsur penting FRS 139 berkaitan dengan klasifikasi dan penilaian saksama instrumen kewangan dalam rangka kerja pelaporan berhemat bagi institusi perbankan serta penanggung insurans, masing-masing sejak tahun 2005 dan 2009. Baki komponen FRS 139 yang belum dirangkumkan ke dalam rangka kerja berhemat adalah berkaitan dengan penggunaan pilihan nilai saksama, serta klasifikasi dan peruntukan bagi pinjaman/pembiayaan terjejas. Komponen ini, yang sebahagian besarnya menimbulkan kesan terhadap institusi perbankan, telah ditangguhkan untuk memberikan lebih masa kepada institusi perbankan untuk membuat penambahbaikan yang perlu kepada sistem, proses dan keupayaan dalaman bagi memastikan pelaksanaan yang lancar dan mengekalkan keutuhan penyata kewangan yang dilaporkan menggunakan FRSs. Rangka kerja pelaporan berhemat dijangka dijajarkan sepenuhnya dengan FRS 139 menjelang 1 Januari 2010. Pemantauan Bank terhadap tahap kesediaan institusi perbankan untuk menerima pakai FRS 139 sepenuhnya telah dipergiat sepanjang tahun 2009 melalui laporan berkala kepada Bank dan interaksi dengan Jawatankuasa Audit, juruaudit luar dan fungsi pelaporan kewangan tentang perkembangan setiap institusi.

Pada bulan November 2009, berlaku perubahan pada perkembangan ini apabila Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards Board, IASB) mengeluarkan draf dedahan mengesyorkan pendekatan baharu terhadap penilaian pinjaman terjejas. Ini mengakibatkan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Bank mempertimbangkan semula pilihan bagi pelaksanaan penuh FRS 139 bagi institusi perbankan yang merupakan pihak paling terjejas dengan cadangan tersebut. Pada bulan Januari 2010, Bank mengeluarkan garis panduan yang disemak tentang Pengkelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan yang merangkumi peruntukan peralihan yang perlu diterima pakai oleh institusi perbankan semasa menentukan peruntukan pinjaman terjejas secara kolektif. Di bawah peruntukan peralihan tersebut, institusi perbankan hendaklah menyediakan peruntukan pinjaman terjejas secara kolektif pada tahap yang tidak kurang daripada tahap yang dikira berdasarkan rumusan yang ditetapkan, iaitu 1.5% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan selepas mengambil kira peruntukan pinjaman terjejas individu. Peruntukan peralihan ini adalah untuk mengurangkan kos duplikasi yang tinggi buat institusi perbankan lantaran perubahan yang dicadangkan oleh IASB, dan pada masa yang sama menjajarkan dengan lebih rapat tahap peruntukan dengan pertimbangan kerugian dijangka. Garis panduan tersebut selanjutnya menghuraikan jangkaan bagi institusi perbankan untuk melaksanakan proses dan metodologi penilaian dalaman yang mantap bagi penilaian pinjaman terjejas. Garis masa bagi kepatuhan sepenuhnya turut ditetapkan, iaitu menjelang tahun 2012 sejajar dengan anggaran garis masa bagi penerapan piawaian pinjaman terjejas baharu. Butir lanjut tentang cadangan piawaian pinjaman terjejas baharu IASB boleh didapati dalam rencana khas ``Perkembangan dalam Piawaian Peruntukan dan Implikasi terhadap Institusi Perbankan´´.

Di samping piawaian pinjaman terjejas, Garis Panduan Pelaporan Kewangan yang disemak telah dikeluarkan oleh Bank pada bulan Februari 2010 untuk mengumpul aspek keperluan pelaporan kewangan lain di bawah rangka kerja berhemat bagi institusi perbankan sejajar dengan keperluan FRSs (termasuk baki komponen FRS 139 yang belum lagi diguna pakai oleh Bank). Garis panduan tersebut mengekalkan sekatan ke atas penerapan pilihan tertentu yang tersedia di bawah FRSs yang dianggap perlu bagi tujuan kehematan, dan menghendaki dedahan tambahan dibuat berhubung dengan maklumat tentang pinjaman, peruntukan pinjaman terjejas dan ganjaran. Panduan lanjut turut diberikan tentang kawalan yang dijangka terhadap penerapan pilihan nilai saksama di bawah FRS 139.

Kewangan Islam dan pengendali takaful

Dalam bidang kewangan Islam, usaha pengawalseliaan pada tahun 2009 terus ditumpukan ke arah memperkukuh tadbir urus Syariah, menggalakkan amalan perniagaan yang mantap dan mempertingkatkan kecekapan operasi dalam institusi kewangan Islam. Pada tahun 2009, semakan yang

Perkembangan dalam Piawaian Peruntukan dan Implikasi terhadap Institusi Perbankan

Pada bulan November 2009, Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standards Board, IASB) mengemukakan cadangan supaya semakan menyeluruh dibuat terhadap Piawaian Perakaunan Antarabangsa (International Accounting Standard, IAS) 39. Cadangan ini dibuat berikutan permintaan daripada pemimpin-pemimpin G20 supaya penetap piawaian perakaunan dan badan pengawal selia kedua-duanya berusaha dengan segera untuk melaksanakan piawaian peruntukan bersifat pandang ke hadapan sebagai salah satu langkah untuk menangani prokitaran (procyclicality). Cadangan IASB ini pada umumnya selaras dengan prinsip tahap tinggi yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) pada bulan Ogos 2009. Cadangan ini mencerminkan pengajaran daripada krisis kewangan berhubung dengan keperluan untuk memperakukan kerugian pinjaman lebih awal berdasarkan metodologi yang mengambil kira kerugian kredit dijangka yang mantap, termasuk perubahan dalam jangkaan kerugian kerana keadaan yang memberikan kesan kepada peminjam berubah.

Artikel ini menghuraikan cadangan baharu IASB tentang pinjaman terjejas dan membincangkan implikasinya terhadap institusi perbankan di Malaysia.

Masalah dengan pendekatan pinjaman terjejas kerugian ditanggung

Di bawah model kerugian ditanggung yang kini diterima pakai dalam IAS 39, pinjaman diklasifikasikan sebagai pinjaman terjejas *hanya* apabila terdapat bukti objektif bahawa pinjaman atau portfolio pinjaman tidak akan dibayar balik dengan sepenuhnya. Bukti sedemikian (dikenali sebagai peristiwa pencetus) mungkin bersifat khusus terhadap sesuatu pinjaman individu (misalnya kebankrapan) atau berlakunya sesuatu peristiwa yang kemungkinan besar akan mengakibatkan kemungkiran merentas sesuatu portfolio pinjaman (contohnya peningkatan pengangguran dan kelembapan pasaran harta tanah yang mungkin mengakibatkan bertambahnya kemungkiran gadai janji).

Kerugian kredit masa hadapan yang dijangka tidak diambil kira sehinggalah berlakunya peristiwa pencetus. Pendekatan ini telah menerima kritikan semasa berlakunya krisis kewangan global kerana gagal mengambil kira jangkaan kerugian meskipun kerugian sedemikian telah diambil kira (berlandaskan pengalaman masa lalu atau pertimbangan oleh pemberi pinjaman tentang kemungkinan berlakunya kemungkiran) semasa pinjaman dibuat dan harganya ditetapkan oleh institusi perbankan. Akibatnya, kerugian dijangka lewat diperakukan, manakala hasil faedah secara amnya akan terlebih kira sebelum berlakunya peristiwa pencetus. Perakuan kerugian kredit kemudiannya pula menyebabkan paras pendapatan institusi perbankan berubah secara mendadak apabila peristiwa pencetus berlaku. Keadaan ini membesarkan lagi kesan prokitaran sesuatu krisis kewangan atau kelembapan ekonomi. Definisi penilaian dan penaksiran peristiwa pencetus yang tidak konsisten di kalangan institusi perbankan telah mengurangkan lagi kebolehbandingan peruntukan pinjaman terjejas bagi aset kewangan serupa.

Cadangan bagi pendekatan pinjaman terjejas kerugian dijangka

Cadangan baharu IASB yang menerima pakai kaedah pinjaman terjejas berdasarkan kerugian dijangka menghendaki entiti untuk:

(i) menentukan kerugian kredit dijangka bagi aset kewangan apabila aset tersebut pertama kali diperoleh;
(ii) memperakukan hasil faedah berdasarkan kontrak, ditolak kerugian kredit yang dijangka pada permulaannya, untuk sepanjang hayat aset kewangan tersebut;
(iii) membuat peruntukan bagi kerugian kredit dijangka untuk sepanjang hayat aset kewangan tersebut;

(iv) menilai semula kerugian kredit dijangka pada setiap tempoh; dan
(v) memperakukan dengan serta-merta kesan sebarang perubahan dalam kerugian kredit dijangka.

Cadangan tersebut juga mencakupi keperluan penzahiran yang lebih luas yang membandingkan perkembangan peruntukan kerugian kredit dan hapus kira kumulatif mengikut tahun originasi bagi setiap kelas aset kewangan. Ini akan membolehkan pengguna penyata kewangan mengesan perkembangan kerugian dari masa ke semasa dan membuat kesimpulan mengenai ketepatan anggaran pihak pengurusan.

Perbandingan[1] antara pendekatan kerugian ditanggung semasa dengan pendekatan kerugian dijangka yang dicadangkan diringkaskan di bawah.

Pendekatan kerugian ditanggung	Pendekatan kerugian dijangka
• Hasil faedah bagi aset kewangan diperakukan berdasarkan aliran tunai dijangka *tanpa mengambil kira* kerugian kredit dijangka.	• Hasil faedah bagi aset kewangan diperakukan berdasarkan aliran tunai dijangka *termasuk* kerugian kredit dijangka.
• Pinjaman terjejas hanya diperakukan apabila peristiwa kerugian berlaku (dikenali sebagai pencetus pinjaman terjejas).	• Kerugian kredit dijangka dianggarkan semula secara berterusan tanpa merujuk kepada peristiwa kerugian atau pencetus pinjaman terjejas.
• Kerugian yang dijangka berlaku akibat peristiwa masa hadapan tidak diperakukan.	• Pinjaman terjejas diperakukan daripada perubahan negatif kerugian kredit dalam jangkaan dan boleh diubah balik apabila kemudiannya terdapat perubahan yang positif.
• Hasil faedah boleh dianggap `terlebih kira´ dalam tempoh-tempoh sebelum peristiwa kerugian berlaku.	• Hasil faedah mencerminkan jumlah pulangan bersih yang dijangka pada permulaan.

Cadangan piawaian pinjaman terjejas kerugian dijangka tersebut akan dimuktamadkan oleh IASB pada separuh kedua tahun 2010 dengan tarikh kuat kuasa untuk menerima pakai secara mandatori tidak lebih awal dari tiga tahun selepas piawaian tersebut dimuktamadkan.

Implikasi terhadap institusi perbankan di Malaysia
Usaha ke arah peruntukan yang lebih bersifat pandang ke hadapan di bawah pendekatan kerugian dijangka ini bertujuan menjajarkan dengan lebih baik rizab kerugian pinjaman dengan pengurusan risiko dan pendekatan penyeliaan yang bertumpu pada perkembangan kerugian yang berkait dengan peristiwa yang mungkin berlaku *pada masa hadapan* dan bukannya kerugian berdasarkan peristiwa yang *sudah diketahui* yang menjadi asas kepada model kerugian ditanggung semasa. Penambahan rizab secara beransur-ansur dari masa ke semasa juga akan meningkatkan rizab yang dipegang oleh institusi perbankan apabila mengalami tempoh kemerosotan kualiti kredit. Ini akan mengurangkan tekanan terhadap perolehan dan modal bank apabila berlakunya kerugian pinjaman, dan seterusnya menyokong aktiviti pengantaraan sewaktu tempoh tekanan atau kelembapan ekonomi.

[1] Sumber: www.ey.com/IFRS

Namun, peruntukan berdasarkan model aliran tunai dijangka sebagaimana dicadangkan oleh IASB menimbulkan beberapa cabaran dari segi kendalian buat institusi perbankan. Dalam menentukan kerugian dijangka, institusi perbankan perlu meramalkan kerugian kredit dijangka dan masa bagi kerugian tersebut berlaku sepanjang hayat aset kewangan itu (sama ada berdasarkan secara individu atau portfolio). Pelaksanaan usaha ini mungkin rumit bergantung pada saiz dan kerumitan portfolio pinjaman institusi berkenaan, kerana ia memerlukan perubahan pada sistem dan masa tunggu yang lama untuk dilaksanakan. Peningkatan usaha dalam melaksanakan piawaian peruntukan baharu secara amnya akan lebih ketara bagi institusi perbankan yang menerima pakai Pendekatan Standard (Standardised Approach) bagi risiko kredit di bawah *Basel II*. Ini adalah kerana institusi perbankan tersebut perlu membangunkan sistem baharu, atau mengkaji semula dengan menyeluruh sistem yang dimodelkan berdasarkan pendekatan kerugian ditanggung untuk mengira anggaran aliran tunai dan kerugian kredit masa hadapan.

Sebaliknya, institusi perbankan termasuk enam institusi perbankan domestik yang menerima pakai Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) untuk risiko kredit di bawah *Basel II* sudah pun dikehendaki untuk mengambil kira kerugian dijangka bagi menganggarkan kebarangkalian kemungkiran (probability of default) bagi tujuan menentukan modal pengawalseliaan. Bagi institusi perbankan ini, data yang sama yang dikumpulkan bagi tujuan modal juga akan menyokong anggaran kerugian dijangka bagi tujuan peruntukan. Faktor yang sama juga harus mendorong penarafan risiko kredit dalaman bagi tujuan modal serta peruntukan. Persamaan ini mempertingkatkan prospek bagi bank-bank yang menerima pakai IRB untuk memanfaatkan infrastruktur sedia ada yang menyokong keperluan modal pengawalseliaan bagi memenuhi piawaian peruntukan yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, beberapa perbezaan penting masih wujud, termasuk andaian ufuk masa yang berbeza-beza, keadaan pada sesuatu masa (point-in-time) berbanding dengan keadaan kitaran lazim (through-the-cycle) yang diterima pakai untuk mengambil kira kerugian dan kadar berbeza yang digunakan untuk mendiskaun aliran tunai. Perbezaan ini memerlukan pelarasan yang ketara dibuat terhadap penetapan model IRB bagi tujuan peruntukan.

Di bawah pendekatan kerugian dijangka, perubahan dalam jangkaan kerugian kredit akan memberikan kesan serta-merta dan secara langsung terhadap perolehan, yang berpotensi mengakibatkan turun naik perolehan yang lebih ketara dari tahun ke tahun. Tahap turun naik akan bergantung terutamanya pada ufuk masa bagi anggaran yang dibuat, perkembangan ekonomi dan kesan perubahan komposisi portfolio dan amalan pengunderaitan dari masa ke semasa. Walaupun ufuk masa yang lebih lama akan menghasilkan parameter yang lebih stabil, data yang terhad akan menjadi kekangan utama. Dalam keadaan ini, adalah lebih penting bagi institusi perbankan untuk mengintegrasikan output yang dijana menerusi pendekatan kerugian dijangka, dengan pertimbangan strategi perniagaan, modal dan pengurusan risiko serta ukuran prestasi semasa. Langkah ini juga penting berikutan keperluan terhadap penzahiran kualitatif dan kuantitatif yang lebih menyeluruh di bawah pendekatan kerugian dijangka, yang akan meningkatkan disiplin pasaran lantaran lebih banyak maklumat disediakan tentang kualiti pinjaman sesebuah institusi perbankan.

Penyelesaian yang praktikal sedang diusahakan pada peringkat global untuk menangani cabaran ini. BCBS secara khususnya telah diamanahkan dengan tugas untuk menghasilkan cadangan yang membolehkan institusi perbankan memanfaatkan sistem pengurusan risiko dan kecukupan modal masing-masing bagi menentukan peruntukan berdasarkan kerugian dijangka untuk tujuan perakaunan. Cadangan tambahan juga dijangka akan memenuhi keperluan untuk memastikan pendekatan peruntukan tertakluk kepada pengesahan dalaman dan luaran yang sewajarnya, rapi serta bebas.

Di Malaysia, kos pelaksanaan tambahan juga timbul disebabkan pengumuman terdahulu yang dibuat pada tahun 2008 oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board) supaya semua entiti pelaporan di Malaysia menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standard, FRS) 139 (piawaian Malaysia yang setara dengan IAS 39 semasa) berkuat kuasa 1 Januari 2010, sejajar dengan dasar penyelarasan dengan piawaian pelaporan kewangan antarabangsa. Pelaksanaan sementara model kerugian ditanggung dan perubahan seterusnya kepada model kerugian dijangka dalam tempoh yang agak singkat berkemungkinan akan menambah lagi kos kendalian perbankan. Memandangkan perkembangan ini dan keadaan semasa yang berubah-ubah di peringkat antarabangsa yang akan mempunyai implikasi penting terhadap bentuk piawaian pinjaman terjejas kerugian dijangka, institusi perbankan telah diberikan peraturan peralihan untuk melaksanakan FRS 139. Langkah ini bertujuan mengurangkan duplikasi kos sistem dan sumber berkaitan dengan pelaksanaan FRS 139, dan pada masa yang sama memudahkan perpindahan terus sistem dan proses untuk menyokong pendekatan kerugian dijangka.

Peraturan peralihan yang membenarkan bank mengekalkan pendekatan semasa dalam menentukan peruntukan am, diberikan kepada institusi perbankan untuk menilai peruntukan pinjaman terjejas secara kolektif di bawah FRS 139. Pinjaman yang dinilai secara individu bagi pinjaman terjejas hendaklah mematuhi sepenuhnya FRS 139, selaras dengan usaha untuk memasukkan rangkaian maklumat kredit yang lebih meluas, dari segi kuantitatif dan kualitatif, dalam metodologi peruntukan bagi sesuatu pinjaman yang besar (sebelum ini, peruntukan bagi pinjaman sebegini ditentukan berdasarkan bulan yang tertunggak sahaja). Maklumat lanjut tentang piawaian peruntukan yang diterima pakai institusi perbankan dibincangkan dalam Bab 3 di bawah tajuk `Piawaian Pelaporan Kewangan´.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Baharu

Kepentingan tadbir urus Syariah
Prinsip kewangan Islam amat menitikberatkan kekukuhan nilai-nilai dan struktur tadbir urus korporat, ketelusan, penzahiran maklumat dan pematuhan yang tegas terhadap prinsip Syariah. Rangka kerja tadbir urus Syariah ialah suatu pengaturan organisasi bagi sesebuah institusi kewangan Islam memastikan keberkesanan pengawasan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, pihak pengurusan dan jawatankuasa Syariah untuk menjurus kepada persekitaran operasi perniagaan yang sentiasa patuh kepada prinsip Syariah. Ini adalah kerana prinsip Syariah menjadi asas bagi amalan kewangan Islam menerusi pematuhan kepada rukun, syarat dan prinsip sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Pematuhan menyeluruh terhadap prinsip Syariah akan memperkukuh keyakinan masyarakat dan pasaran kewangan terhadap kredibiliti operasi kewangan Islam.

Di Malaysia, Bank telah membentuk satu mekanisme untuk sistem kewangan Islam beroperasi secara konsisten berdasarkan prinsip *muamalah* Syariah, menerusi susunan keinstitusian yang jelas bagi institusi kewangan Islam yang dikawal selia oleh Bank. Struktur tadbir urus Syariah dua peringkat telah diperkenalkan, terdiri daripada badan penasihat Syariah yang utama di Bank dan jawatankuasa pengawasan Syariah yang ditubuhkan di setiap institusi kewangan Islam.

Majlis penasihat Syariah pusat
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai badan wibawa tertinggi dalam memutuskan semua perkara Syariah berkaitan industri perbankan Islam dan takaful. MPS berperanan sebagai penimbang tara terakhir dalam penafsiran prinsip Syariah berkaitan hal ehwal dan amalan perbankan Islam serta takaful, dan memupuk keseragaman penafsiran Syariah di kalangan jawatankuasa-jawatankuasa Syariah di setiap institusi kewangan Islam. Mandat MPS sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) adalah seperti berikut:

- menentukan hukum Syariah mengenai perkara-perkara kewangan dan mengeluarkan keputusan apabila perkara tersebut dirujuk kepadanya;
- menasihati Bank mengenai isu-isu Syariah yang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam, aktiviti atau urus niaga Bank; dan
- memberi nasihat kepada institusi kewangan Islam atau orang lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Bagi menggambarkan kepentingan peranan MPS, pelantikan anggotanya dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan mereka yang berkelayakan dalam bidang Syariah, atau mereka yang berpengetahuan atau berpengalaman dalam Syariah, perbankan, kewangan, undang-undang atau bidang-bidang lain yang berkaitan.

Satu perkembangan penting di bawah Akta ini adalah kemestian bagi mahkamah dan penimbang tara untuk mengambil kira keputusan MPS yang telah dikeluarkan, dan merujuk isu-isu Syariah kepada MPS untuk mendapatkan keputusan. Semua keputusan MPS dalam kes seumpama ini mengikat institusi kewangan Islam, mahkamah dan penimbang tara. Perkembangan ini merupakan satu langkah penting kerana sebelum ini keputusan MPS hanya mengikat penimbang tara sahaja, manakala mahkamah tidak terikat. Ini akan mempertingkatkan aplikasi keputusan Syariah yang lebih konsisten, dan dengan itu menjamin kepastian dan kemuktamadan isu-isu Syariah berkaitan dengan aplikasi dan amalan kewangan Islam.

Penubuhan jawatankuasa Syariah di setiap institusi kewangan Islam
Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 mewajibkan penubuhan sebuah jawatankuasa Syariah yang bebas di setiap institusi kewangan Islam. Pada tahun 2004, Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (Garis Panduan) telah dikeluarkan yang menggariskan peranan, tugas dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah dan anggotanya serta hubungan dan skop aturan tugas antara jawatankuasa Syariah di setiap institusi dengan MPS di peringkat nasional. Garis Panduan ini antara lain, melarang seseorang anggota jawatankuasa

Syariah daripada menganggotai lebih daripada satu jawatankuasa Syariah dalam industri yang sama. Walaupun asas rasional bagi halangan ini adalah untuk mengelakkan konflik kepentingan, peraturan ini turut menjadi pemangkin dalam menambahkan sekumpulan ahli Syariah yang mahir bagi industri kewangan Islam dan pada masa yang sama, memperluas kepelbagaian pengalaman dan kepakaran pakar Syariah. Kini, bilangan pakar Syariah telah meningkat kepada lebih daripada 100 orang berbanding jumlah yang kecil semasa Garis Panduan ini dikeluarkan pada bulan Disember 2004.

Walaupun struktur tadbir urus Syariah pada masa kini telah berjaya meningkatkan peranan jawatankuasa Syariah dalam industri kewangan Islam, Garis Panduan ini perlu diperkasa berikutan perkembangan pesat industri kewangan Islam sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini termasuk memperkukuhkan pengaturan tadbir urus lembaga pengarah dan pihak pengurusan berkaitan dengan proses pematuhan Syariah, menegaskan kebebasan dan akauntabiliti jawatankuasa Syariah dalam proses membuat keputusan dan meningkatkan keupayaan penyelidikan dalaman, pematuhan dan proses pengurusan risiko.

Rangka kerja Syariah baharu

Selaras dengan usaha untuk mengukuhkan lagi struktur tadbir urus Syariah, Bank akan mengeluarkan satu rangka kerja tadbir urus yang baharu bagi institusi kewangan Islam di bawah kawal selia Bank bagi memenuhi objektif berikut:

- menggariskan jangkaan ke atas sesebuah institusi kewangan Islam berhubung dengan struktur, proses dan pengaturan tadbir urus Syariah dengan matlamat untuk memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaannya sentiasa selaras dengan prinsip Syariah;

Rajah 1
Model Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam



- menyediakan panduan menyeluruh kepada lembaga pengarah, jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan institusi kewangan Islam dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan hal ehwal Syariah; dan
- memastikan pematuhan Syariah yang betul menerusi fungsi penilaian Syariah dan fungsi audit Syariah yang berkesan.

Dalam pembentukan rangka kerja tersebut, Bank telah merujuk kepada Prinsip Panduan mengenai Sistem Tadbir Urus Syariah bagi Institusi yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) pada bulan Disember 2009 dan juga pelaksanaan amalan-amalan bersesuaian di negara-negara yang mempunyai sektor perbankan dan kewangan Islam yang pesat.

Rangka kerja tersebut pada asasnya bertujuan untuk mengukuhkan proses tadbir urus Syariah, pembuatan keputusan, akauntabiliti dan kebebasan. Bagi mengukuhkan fungsi pematuhan Syariah, keperluan kepada penilaian Syariah dalaman dan audit Syariah akan diperkenalkan, disokong oleh proses pengurusan risiko yang bersesuaian dan keupayaan di dalam membuat penyelidikan Syariah. Pelaksanaan rangka kerja tersebut diharapkan akan menyumbang ke arah melahirkan suatu rangka kerja tadbir urus Syariah yang lebih kukuh dan mantap dalam institusi kewangan Islam dan seterusnya akan menggalakkan pematuhan Syariah dalam organisasi secara menyeluruh.

Di bawah rangka kerja tersebut, lembaga pengarah akan bertanggungjawab terhadap pengawasan Syariah yang menyeluruh di institusi kewangan Islam dan terhadap pelaksanaan struktur, polisi dan proses tadbir urus Syariah yang berkesan. Walau bagaimanapun, lembaga pengarah hendaklah mengiktiraf kebebasan jawatankuasa Syariah dan sentiasa mendukung keputusan jawatankuasa Syariah berhubung aspek-aspek Syariah dalam operasi sesebuah institusi kewangan berkenaan. Walaupun rangka kerja ini secara khususnya tidak menghendaki sesebuah institusi kewangan Islam melantik seorang pakar Syariah di kalangan anggota lembaga pengarahnya, namun mereka digalakkan untuk melantik anggota yang mempunyai pengetahuan Syariah yang mendalam untuk bertindak sebagai 'penghubung' antara lembaga pengarah dan jawatankuasa Syariah. Lembaga pengarah hendaklah memberi imbuhan berpatutan kepada jawatankuasa Shariah sepadan dengan akauntabiliti, tugas dan tanggungjawab mereka.

Peranan dan fungsi jawatankuasa Syariah telah diperluas daripada hanya memberikan nasihat kepada memikul tanggungjawab yang lebih tinggi. Jawatankuasa Syariah kini bertanggungjawab dalam melaksanakan keputusan Syariah mencakupi keseluruhan institusi kewangan Islam tersebut. Selaras dengan kedudukannya, jawatankuasa Syariah hendaklah mempunyai akses secara langsung kepada lembaga pengarah. Jawatankuasa Syariah juga hendaklah melaporkan terus kepada Bank sekiranya mendapati berlakunya isu ketakpatuhan Syariah dalam institusi kewangan Islam yang tidak ditangani secara berkesan dan secukupnya oleh institusi kewangan Islam berkenaan.

Bagi menyokong tugas lembaga pengarah dan jawatankuasa Syariah, pengurusan kanan sesebuah institusi kewangan Islam bertanggungjawab menggalakkan budaya pematuhan Syariah yang kukuh di dalam organisasi, termasuk melaksanakan amalan terbaik dalam tadbir urus Syariah yang merangkumi semua aspek operasi institusi tersebut. Pengurusan kanan juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua serahan kepada jawatankuasa Syariah hanya dibuat selepas penyelidikan secukupnya dan disokong oleh kajian mendalam mengenai isu Syariah, penstrukturan produk dan dokumentasi. Aspek ini memerlukan pembangunan keupayaan penyelidikan Syariah dalaman yang disokong oleh pengetahuan dan sumber yang mencukupi bagi menjalankan penyelidikan yang berkesan.

Institusi kewangan Islam juga dikehendaki melaksanakan tiga fungsi bagi memastikan wujudnya satu sistem sekatan dan imbangan dalam organisasi yang merangkumi fungsi-fungsi berikut:

- fungsi kawalan pengurusan risiko Syariah bagi mengenal pasti semua kemungkinan risiko ketakpatuhan Syariah dan sekiranya perlu, mencadangkan langkah pemulihan bagi mengurus risiko ini;

- fungsi penilaian Syariah yang menilai secara berterusan aspek pematuhan Syariah dalam setiap aktiviti dan operasi. Apabila ketakpatuhan dikenal pasti, institusi berkenaan dikehendaki mengambil langkah pembetulan dengan segera dan mewujudkan mekanisme bagi mengelakkan kejadian tersebut daripada berulang; dan
- fungsi audit Syariah yang menjalankan audit tahunan untuk memberi penilaian bebas tentang kecukupan dan pematuhan institusi kewangan Islam terhadap dasar dan tatacara yang ditetapkan, dan kecukupan proses tadbir urus Syariah.

Kesimpulan

Berikutan pembangunan pesat kewangan Islam di Malaysia, pembentukan satu struktur dan proses tadbir urus yang menyeluruh dan holistik sentiasa diperkemas agar ia kekal dinamik dan relevan sepanjang masa. Rangka kerja tadbir urus Syariah di Malaysia telah berkembang sejajar dengan situasi pasaran yang sentiasa berubah, iaitu struktur tadbir urus di peringkat sistem kewangan Islam keseluruhannya, dan di setiap institusi kewangan Islam telah dipertingkat dan diperkukuh bagi memastikan pematuhan Syariah. Keberkesanan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Syariah yang baharu ini akan terus meningkatkan lagi keyakinan pihak berkepentingan dan integriti industri kewangan Islam, seterusnya mengurangkan risiko ketakpatuhan Syariah dan dalam jangka masa sederhana, menyumbang ke arah kestabilan kewangan yang berterusan.

dicadangkan pada Rangka Kerja Kadar Pulangan (Rate of Return, ROR) untuk institusi perbankan Islam telah disiapkan dengan tujuan menyokong kecekapan operasi institusi perbankan Islam melalui pengurusan akaun pelaburan perkongsian untung (profit-sharing investment accounts, PSIAs) yang lebih mantap. Matlamat dasar cadangan yang dibuat adalah untuk memastikan pendeposit menerima bahagian yang berpatutan dan saksama daripada keuntungan pelaburan, mengurangkan ketidakpadanan maklumat antara institusi perbankan dengan pendeposit melalui penzahiran yang lebih menyeluruh dan menyediakan peruntukan bagi skop perniagaan perbankan Islam yang lebih meluas dan berpelbagai. Cadangan Rangka Kerja ROR yang disemak juga mengambil kira piawaian relevan berhubung dengan PSIA yang dikeluarkan oleh IFSB. Kertas konsep mengenai rangka kerja tersebut yang disemak akan dikeluarkan pada suku tahun pertama 2010 sebagai asas bagi rundingan selanjutnya dengan industri.

Pada bulan April 2009, Bank mengeluarkan Garis Panduan mengenai Pengurusan Pelaburan yang diterima pakai oleh pengendali takaful dan takaful semula. Garis Panduan tersebut menetapkan jangkaan minimum terhadap tadbir urus dan pengurusan berkesan bagi aktiviti pelaburan dana takaful, sejajar dengan piawaian antarabangsa yang dikeluarkan oleh IFSB dan IAIS. Ini disusuli dengan pengeluaran kertas konsep tentang Garis Panduan mengenai Rangka Kerja Operasi Takaful (Takaful Operational Framework, TOF) pada bulan Disember 2009, yang menetapkan prinsip pengawalan proses operasi perniagaan takaful untuk memastikan bahawa aktiviti dan inovasi perniagaan adalah seiring dengan keupayaan pengurusan risiko pengendali takaful dan tidak menjejaskan kemampanan jangka panjang perniagaan. Garis panduan tersebut juga bertujuan memperkukuh tahap perlindungan kepentingan peserta takaful. Di samping itu, TOF menyediakan garis panduan tentang proses operasi melibatkan dana takaful dan pemegang saham, termasuk keperluan tentang penubuhan dana, pengurusan fi dan kos operasi pengendali takaful. Pengurusan aset, liabiliti dan lebihan, mekanisme untuk menangani sebarang kekurangan dalam dana takaful, dan keperluan meluas tentang penzahiran dan ketelusan turut digariskan di dalamnya.

Seiring dengan usaha mempertingkatkan tadbir urus Syariah bagi institusi kewangan Islam, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bakal dikeluarkan pada tahun 2010 untuk menyediakan garis panduan menyeluruh tentang peranan dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah, serta lembaga pengarah dan pihak pengurusan institusi kewangan Islam dalam memastikan bahawa operasi institusi kewangan Islam mematuhi prinsip Syariah. Perkara ini dihuraikan dengan lebih terperinci dalam rencana khas ``Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Baharu´´.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bakal dikeluarkan pada tahun 2010 untuk menyediakan garis panduan menyeluruh tentang peranan dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah, serta lembaga pengarah dan pihak pengurusan institusi kewangan Islam dalam memastikan bahawa operasi institusi kewangan Islam mematuhi prinsip Syariah

Reformasi perundangan

Pada bulan November 2009, Bank mengumumkan usaha untuk melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap semua perundangan sedia ada yang mentadbir institusi kewangan dan sistem pembayaran di bawah kawal selia Bank, bagi mengambil kira landskap kewangan yang berubah dan perkembangan pengawalseliaan yang berlaku sejak dua dekad lalu. Perundangan yang terlibat ialah Akta Sistem Pembayaran 2003, Akta Insurans 1996, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Akta Takaful 1984 dan Akta Bank Islam 1983. Tujuan semakan adalah untuk: (i) memastikan rangka kerja perundangan yang berkesan dan cekap bagi pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan dan pengawasan sistem pembayaran; (ii) menjajarkan perundangan dengan pendekatan pengawalan dan penyeliaan

yang berasaskan prinsip dan terbeza berasaskan risiko; (iii) mempertingkatkan keupayaan Bank untuk mengambil tindakan penguatkuasaan, pemulihan, campur tangan dan penyelesaian yang sewajarnya bagi menjamin kestabilan keinstitusian; (iv) mempunyai rangka kerja undang-undang merentas sektor kewangan berbeza yang lebih konsisten dalam bidang yang sama; dan (v) memperkukuh peruntukan untuk menyokong pengawalan dan penyeliaan tingkah laku pasaran secara lebih berkesan. Cadangan-cadangan terperinci tentang perubahan perundangan dijangka dimuktamadkan menjelang akhir tahun 2010.

Perubahan perundangan akan terus memperkukuh rangka kerja kestabilan kewangan di Malaysia ekoran enakmen Akta Bank Negara Malaysia 2009

Perubahan perundangan yang dicadangkan akan terus memperkukuh rangka kerja kestabilan kewangan di Malaysia ekoran enakmen Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA) baharu yang mula berkuat kuasa pada 25 November 2009. CBA baharu memperjelaskan mandat Bank bagi kestabilan kewangan dan memberikan kuasa yang lebih luas kepada Bank untuk melaksanakan pengawalan dan penyelesaian segera terhadap institusi kewangan, termasuk institusi tidak dikawal selia yang penting secara sistemik. Huraian lanjut tentang peruntukan di bawah CBA terdapat dalam rencana khas ``Melindungi Kestabilan Kewangan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009´´.

Aktiviti penyeliaan

Tumpuan penyeliaan Bank pada tahun 2009 terus dijuruskan ke arah memastikan daya tahan institusi kewangan terhadap risiko yang muncul daripada krisis kewangan global dan kelembapan ekonomi yang menyusulinya. Kelemahan sistem yang menyeluruh, yang berpunca daripada kesalinghubungan sistem kewangan global mendorong Bank untuk meneliti kesalinghubungan antara operasi institusi kewangan domestik dengan istitusi kewangan luar negeri. Interaksi lebih kerap dilakukan dengan pihak pengurusan dan lembaga pengarah institusi kewangan untuk membincangkan punca tekanan dan pemacu risiko yang mungkin menjejaskan setiap institusi seperti yang ditonjolkan daripada ujian ketahanan yang dilaksanakan oleh institusi kewangan dan Bank.

Dengan konglomerat kewangan domestik utama makin giat melaksanakan operasi merentas sempadan, keutamaan juga diberikan terhadap perlunya menjalin kerjasama yang lebih erat antara Bank dengan pengawal selia tempat mereka beroperasi di dalam rantau ini untuk menyokong keberkesanan penyeliaan kumpulan kewangan

Dengan konglomerat kewangan domestik utama makin giat melaksanakan operasi merentas sempadan, keutamaan juga diberikan terhadap perlunya menjalin kerjasama yang lebih erat antara Bank dengan pengawal selia tempat mereka beroperasi di dalam rantau ini untuk menyokong keberkesanan penyeliaan kumpulan kewangan. Bagi tujuan ini, Bank sedang memuktamadkan rangka kerja penyeliaan *home-host* bagi memudahkan perkongsian maklumat tepat pada masa dan kerjasama merentas sempadan yang lebih baik antara Bank dengan penyelia negara-negara yang lain.

Pengurusan risiko mudah tunai terus menjadi tumpuan utama penyeliaan sepanjang tahun. Bank menjalankan ujian ketahanan mudah tunai yang lebih ketat pada tahun 2009 dengan menggabungkan faktor risiko pendanaan dan mudah tunai pasaran. Keputusan ujian ketahanan digunakan sebagai asas perbincangan dengan pihak pengurusan dan lembaga pengarah institusi kewangan akan keteguhan amalan pengurusan risiko mudah tunai institusi tersebut dan rancangan pendanaan kontingensi. Institusi kewangan dengan operasi merentas sempadan dilihat telah memperkukuhkan proses pengurusan mudah tunai global, disokong oleh penambahbaikan

infrastruktur bagi operasi perbendaharaan global dan sistem maklumat pengurusan yang lebih canggih. Penilaian instrumen kewangan dan mudah tunai juga diteliti dengan mendalam apabila mudah tunai mata wang asing berkurang, dicetus oleh kebimbangan kredit dan penghindaran risiko yang meningkat. Memandangkan kekangan yang berterusan ini, perhatian penyeliaan ditumpukan ke arah memastikan bahawa institusi kewangan menggunakan andaian paling terkini dalam analisis tingkah laku mudah tunai dan menguji rancangan pendanaan kontingensi untuk memastikan rancangan tersebut teguh dari segi operasi. Melangkah ke hadapan, skop lebih luas wujud bagi menyepadukan ujian ketahanan mudah tunai dengan inisiatif ujian ketahanan organisasi yang lain, misalnya yang menjejaskan modal, perolehan dan kualiti aset.

Usaha untuk memperkukuh amalan dan infrastruktur penyeliaan Bank terus menjadi keutamaan penting Bank untuk memastikan keberkesanan peranannya dalam melaksanakan mandatnya ke arah kestabilan kewangan. Bank terus memperluas keupayaannya untuk menyokong pengenalpastian dan penyelesaian awal kelemahan yang dihadapi oleh institusi kewangan berlesen. Sepanjang tahun 2009, Bank telah memulakan projek bagi membangunkan sistem pengawasan mikro untuk memudahkan pengawasan institusi kewangan secara berterusan melalui penggunaan alat perisikan perniagaan dan sistem repositori terpusat. Sistem ini juga dapat mengenal pasti dengan pantas risiko dan kelemahan yang muncul dalam institusi kewangan yang mungkin menjejaskan kestabilan sistem kewangan. Pendekatan terhadap penyeliaan konglomerat kewangan dan pelaksanaan pendekatan penyeliaan berasaskan risiko turut dipertingkatkan. Pada tahun 2009, Unit Amalan Penyeliaan telah ditubuhkan untuk memastikan pendekatan penyeliaan berasaskan risiko diterima pakai dengan konsisten merentas institusi dan sektor kewangan berbeza-beza yang diselia oleh Bank. Unit ini bertanggungjawab menjalankan penyelidikan, menyemak dan mengemaskinikan amalan dan metodologi penyeliaan, dan memastikan rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko ditafsirkan dan dilaksanakan secara konsisten oleh penyelia dengan pewujudan proses dan sistem yang sesuai untuk menyokong penilaian penyeliaan yang mantap.